





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PULAU PINANG

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PULAU PINANG

SIRI 2

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
JABATAN PERTANIAN	
Pengurusan Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur Sayuran	3
PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG	
Pengurusan Program Pelancongan Bukit Bendera	22
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI	
Pengurusan Perolehan	29
PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG	
PDC Consultancy Sdn. Bhd.	42
PENUTUP	63



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.
2. Pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2013 Siri 2 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana yang dihasratkan oleh Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 1 Jabatan, 2 Agensi dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri/Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 9 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

6 Mei 2014



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN PERTANIAN

- Pengurusan Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran

1.1. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (Jabatan) ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan perundingan, sokongan teknikal dan khidmat nasihat yang profesional dalam pelbagai bidang pertanian. Sektor pertanian yang selama ini lebih banyak memberi tumpuan kepada tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan getah, kini beralih kepada tanaman makanan, bukan sahaja untuk kegunaan domestik malah untuk tujuan eksport. Salah satu program yang dilaksanakan oleh Jabatan adalah Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran bertujuan untuk membantu golongan petani merangka projek yang boleh meningkatkan pengeluaran dan pendapatan.

1.2. Objektif program adalah untuk meningkatkan pengeluaran hasil, pendapatan petani, bilangan peserta dan keluasan kawasan tanaman. Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran melibatkan aktiviti pembangunan sayur-sayuran. Pelaksanaan Program ini akan mengukuhkan lagi sektor pertanian sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri Pulau Pinang. Berdasarkan kepada perangkaan asas pertanian tahun 2012, keluasan kawasan tanaman sayur-sayuran di Pulau Pinang adalah 493.69 hektar.

1.3. Bagi melaksanakan program ini, antara bantuan input pertanian yang diberikan secara percuma adalah seperti kos pembersihan kawasan, baja, perparitan dan lain-lain. Manakala bagi bantuan input yang diberikan secara pinjaman adalah mesin/peralatan seperti mesin pembajak, pam air, penyembur bergalas dan lain-lain. Peserta yang ingin memohon bantuan yang ditawarkan oleh Jabatan mestilah mempunyai hak milik tanah/surat kebenaran mengguna atau sewa tanah, keluasan tanah yang akan diusahakan secara berkelompok tidak kurang daripada 2 hektar serta pemohon kelompok/usahawan yang mempunyai minat dan kesungguhan untuk menjayakan projek pertanian.

1.4. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Disember 2013 mendapati pada keseluruhannya Pengurusan Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran adalah di tahap memuaskan dari segi peningkatan keluasan tanaman, bilangan petani, pengeluaran hasil dan pendapatan purata per hektar. Selain itu, khidmat nasihat kepada petani juga adalah memuaskan dalam mencuba teknologi baru yang diperkenalkan oleh Jabatan seperti kawalan pembajaan, kawalan penggunaan racun, teknik tanaman dan kepelbagaian benih tanaman. Jabatan juga menggalakkan petani mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB) dengan cara memohon sijil Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) dan Skim Organik Malaysia (SOM) bagi menghasilkan produk tanaman yang

berkualiti dan berdaya saing. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Sasaran pendapatan bersih RM1,000 sebulan bagi projek Perladangan Berkelompok (PB) masih belum tercapai sepenuhnya.
- Pelanggaran residu penggunaan racun makhluk perosak yang melebihi kadar *Maximum Residue Limit* (MRL) yang ditetapkan dan pengawalan penggunaan jenis racun makhluk perosak yang digunakan oleh petani.
- Bantuan input pertanian dan pinjaman peralatan tidak mengikut kriteria yang ditetapkan.
- Pengeluaran baja dari stor tidak mengikut kaedah Masuk Dahulu Keluar Dahulu (MDKD).
- Agen Pengembangan Kawasan (APK) tidak mengemas kini modul Laporan Pengeluaran Hasil serta Maklumat Ladang Dan Tanaman petani di dalam sistem AgriS GeoPortal (AgriS).

1.5. Bagi mengatasi kelemahan serta menambah baik pengurusan Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Pertanian Pulau Pinang mengambil tindakan seperti berikut:

1.5.1. Jabatan perlu menetapkan sasaran bilangan petani yang mampu mencapai pendapatan RM1,000 sebulan dan membuat pemilihan penerima bantuan input pertanian mengikut kriteria yang ditetapkan.

1.5.2. Meningkatkan pemantauan terhadap penggunaan racun makhluk perosak yang digunakan oleh petani. Begitu juga Jabatan wajar membuat pengeluaran baja dari stor mengikut kaedah MDKD.

1.5.3. Memastikan peralatan/mesin yang rosak dan tidak dibaiki serta tidak digunakan oleh petani diserahkan kembali kepada Jabatan untuk dibaiki dan seterusnya diagihkan kepada petani yang lebih memerlukan.

1.5.4. Memastikan APK mengemas kini data maklumat pengeluaran dan maklumat ladang di dalam sistem AgriS.

2. PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

- Pengurusan Program Pelancongan Bukit Bendera

2.1. Bukit Bendera atau dikenali sebagai *Penang Hill* merupakan satu kawasan peranginan tanah tinggi yang terkenal di negeri Pulau Pinang. Bukit Bendera adalah sebuah destinasi pelancongan yang unik dengan panorama Bandaraya Georgetown dan alam semula jadi serta warisannya yang tersendiri. Keluasan kawasan Bukit Bendera ialah 464.14

hektar terdiri dari kawasan hutan lipur, tanah milik persendirian, kawasan kuarters kerajaan, hotel dan kawasan pembangunan yang lainnya. Keunikan yang menjadi daya tarikan utama pelancong Bukit Bendera ialah kereta api. Landasan kereta api Bukit Bendera adalah sepanjang 2,007 meter. Perbadanan Bukit Bendera (Perbadanan) yang ditubuhkan pada 1 Jun 2010, di bawah Enakmen Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang 2009 (Enakmen) berfungsi untuk mengendali perkhidmatan kereta api dan bertanggungjawab untuk memaju, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi, sosial dan infrastruktur di kawasan Perbadanan. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, Perbadanan telah membelanjakan sejumlah RM38.41 juta perbelanjaan mengurus daripada peruntukan berjumlah RM31.71 juta. Daripada RM38.41 juta, sejumlah RM13.50 juta merupakan sumbangan Perbadanan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2013 mendapati secara keseluruhannya program pelancongan Bukit Bendera yang dilaksanakan oleh Perbadanan adalah memuaskan. Sungguhpun prestasi kedatangan pelancong dan kutipan hasil melebihi sasaran yang ditetapkan, namun terdapat beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan seperti berikut:

- Maklumat dalam risalah pelancongan tidak tepat.
- Laman sesawang tidak dikemas kini.

2.3. Bagi memastikan pengurusan program pelancongan Bukit Bendera di Pulau Pinang dapat dipertingkatkan adalah disyorkan Perbadanan mengambil tindakan penambahbaikan dengan memastikan maklumat yang terdapat dalam risalah pelancongan adalah tepat dan laman sesawang sentiasa dikemas kini supaya dapat memberi maklumat terkini.

3. MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

- Pengurusan Perolehan

3.1. Majlis Perbandaran Seberang Perai (Majlis) ditubuhkan menurut kuasa yang diberikan oleh Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Kawasan pentadbiran Majlis meliputi semua kawasan Seberang Perai yang terdiri daripada Daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan dengan keluasan 738 kilometer persegi. Majlis ditadbir oleh Yang Dipertua (YDP) selaku ketua eksekutif dan 24 orang Ahli Majlis. Badan pengurusan Majlis terdiri daripada 16 jabatan yang diketuai oleh Setiausaha Perbandaran selaku Ketua Pentadbiran dengan dibantu oleh Pengarah Jabatan masing-masing. Semua pengurusan adalah di bawah pengawalan YDP dengan dibantu oleh Setiausaha Perbandaran yang seterusnya menjalankan penyelarasan ke atas jabatan-jabatan. Bahagian Perolehan di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan telah dipertanggungjawabkan oleh Majlis sebagai urus setia perolehan. Tatacara Perolehan Majlis adalah tertakluk kepada Perintah Tetap 1996, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan kerja dan bekalan yang dilaksanakan sama ada melalui

perolehan secara pembelian terus, rundingan terus, undi, sebut harga dan tender. Pada tahun 2011 hingga September 2013, Majlis telah melaksanakan sebanyak 14,695 perolehan kerja dan bekalan melibatkan sejumlah RM238.45 juta dengan menggunakan peruntukan Majlis, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

3.2. Pada keseluruhannya pengauditan yang dijalankan dari bulan Julai hingga Oktober 2013 mendapati tahap pengurusan perolehan Majlis adalah memuaskan dari segi proses pengiklanan, penawaran kerja dan jawatankuasa yang dilantik. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan seperti berikut:

- Dokumen kontrak lewat ditandatangani.
- Bayaran kemajuan dibuat sebelum perjanjian kontrak ditandatangani.
- Projek tidak disiapkan mengikut tempoh.
- Bekalan lewat dibekalkan.
- Kerja-kerja dibuat tidak mengikut syarat dan kualiti yang ditetapkan.

3.3. Bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan/kerja dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam adalah disyorkan Majlis mempertimbangkan perkara berikut:

3.3.1. Memastikan proses perolehan sentiasa dibuat dengan teratur dan mematuhi prinsip perolehan Kerajaan serta dapat dimanfaatkan oleh pengguna bagi mencapai objektif yang disasarkan.

3.3.2. Sentiasa memantau dan memberikan pengawasan yang rapi terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan ianya mengikut syarat dan kualiti yang ditetapkan.

4. PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

- PDC Consultancy Sdn. Bhd.

4.1. PDC Consultancy Sdn. Bhd. (PDCC) merupakan sebuah anak syarikat milik penuh PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. (PDCPH) di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan telah diperbadankan pada 15 Januari 2004. PDCC telah mengambil alih aset, liabiliti dan perniagaan tiga buah syarikat PDCPH iaitu PDC AR&T Total Project Management Sdn. Bhd., PDC Technical Services Sdn. Bhd. dan DCT Consultancy Services Sdn. Bhd.. PDCC mula beroperasi pada bulan April 2004 dengan modal dibenarkan sejumlah RM5,000,000 dan modal berbayar sejumlah RM2,500,001. PDCC dianggotai oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah. Visi PDCC adalah untuk menyediakan perkhidmatan perunding dalam pelbagai bidang. Manakala misi PDCC adalah untuk memberikan perkhidmatan perunding secara profesional dengan penuh integriti. Objektif PDCC adalah untuk menyediakan perkhidmatan perunding yang berkualiti dan berdaya saing. Aktiviti

utama PDCC adalah menyediakan perkhidmatan perunding yang merangkumi kerja seni bina, kejuruteraan, ukur bahan dan juga pengurusan projek.

4.2. Secara keseluruhannya pengurusan PDCC dari segi prestasi kewangan dan tadbir urus korporat adalah di tahap memuaskan. Namun pengurusan aktiviti perlu dipertingkatkan kerana:

- Kerja pembinaan dimulakan sebelum mendapat kelulusan Pihak Berkuasa bagi projek *Flyover* Merintang Jambatan Kedua di Batu Kawan dan Projek Quatermile. Manakala bagi Projek Ixora PDCC telah dikenakan kompaun kerana membina tempat letak kereta berbumbung sebelum pindaan pelan binaan diluluskan.
- Kelewatan menyiapkan 2 projek antara 96 dan 234 hari.
- Arahan Perubahan Kerja (VO) tidak mengikut skop kontrak.
- Pembinaan kolam perangkap mendap (*sedimentation pond*) bagi projek Tempat Letak Kereta di Jalan Bukit Bendera tidak mengikut lukisan pelan.
- Bayaran kepada juru perunding berjumlah RM2.37 juta belum dijelaskan bagi tempoh antara 1,582 dan 2,163 hari.

4.3. Bagi memastikan pengurusan PDC Consultancy Sdn. Bhd. (PDCC) dapat dipertingkatkan adalah disyorkan tindakan seperti berikut diambil:

4.3.1. Memastikan kelulusan Pihak Berkuasa diperoleh terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan bagi semua projek yang dilaksanakan.

4.3.2. Meningkatkan pemantauan terhadap projek yang dilaksanakan oleh PDCC supaya pematuhan terhadap perkara yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak dipatuhi.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN PERTANIAN

1. PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TANAMAN SAYUR SAYURAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (Jabatan) ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan perundingan, sokongan teknikal dan khidmat nasihat yang profesional dalam pelbagai bidang pertanian. Sektor pertanian yang selama ini lebih banyak memberi tumpuan kepada tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan getah, kini beralih kepada tanaman makanan, bukan sahaja untuk kegunaan domestik malah untuk tujuan eksport. Salah satu program yang dilaksanakan oleh Jabatan adalah Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran bertujuan untuk membantu golongan petani merangka projek yang boleh meningkatkan pengeluaran dan pendapatan.

1.1.2. Objektif program adalah untuk meningkatkan pengeluaran hasil, pendapatan petani, bilangan peserta dan keluasan kawasan tanaman. Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran melibatkan aktiviti pembangunan sayur-sayuran. Pelaksanaan Program ini akan mengukuhkan lagi sektor pertanian sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri Pulau Pinang. Berdasarkan kepada perangkaan asas pertanian tahun 2012, keluasan kawasan tanaman sayur-sayuran di Pulau Pinang adalah 493.69 hektar.

1.1.3. Bagi melaksanakan program ini, antara bantuan input pertanian yang diberikan secara percuma adalah seperti kos pembersihan kawasan, baja, perparitan dan lain-lain. Manakala bagi bantuan input yang diberikan secara pinjaman adalah mesin/peralatan seperti mesin pembajak, pam air, penyembur bergalass dan lain-lain. Peserta yang ingin memohon bantuan yang ditawarkan oleh Jabatan mestilah mempunyai hak milik tanah/surat kebenaran mengguna atau sewa tanah, keluasan tanah yang akan diusahakan secara berkelompok tidak kurang daripada 2 hektar serta pemohon kelompok/usahawan yang mempunyai minat dan kesungguhan untuk menjayakan projek pertanian.

1.1.4. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, Jabatan telah menerima peruntukan sejumlah RM2 juta bagi membiayai Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran dan sejumlah RM1.99 juta telah dibelanjakan. Butiran adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Program Pembangunan
Industri Tanaman Sayur-sayuran Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
2011	700,000	699,985
2012	700,000	699,976
2013	600,000	597,741
Jumlah	2,000,000	1,997,702

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran yang dirancang telah dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aspek pengurusan pembangunan industri tanaman sayur-sayuran bagi tempoh 2011 hingga 2013 melibatkan Jabatan Pertanian Negeri dan 3 daerah iaitu Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS). Pemeriksaan Audit dijalankan dengan menyemak dan menganalisis maklumat berasaskan data, fail, laporan, minit mesyuarat dan dokumen perjanjian yang diselenggarakan oleh Jabatan. Temu bual dengan pegawai Jabatan dan lawatan fizikal ke ladang petani bagi 3 daerah yang menerima bantuan daripada Jabatan turut dilakukan bagi menentukan sama ada pengurusan pembangunan industri tanaman sayur-sayuran telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Di samping itu, lawatan ke Makmal Residu Racun, Kompleks Pertanian Cameron Highlands juga dijalankan.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Disember 2013 mendapati pada keseluruhannya Pengurusan Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran adalah di tahap memuaskan dari segi peningkatan keluasan tanaman, bilangan petani, pengeluaran hasil sayur-sayuran dan purata pendapatan petani per hektar. Selain itu, khidmat nasihat kepada petani juga adalah memuaskan dalam mencuba teknologi baru yang diperkenalkan oleh Jabatan seperti kawalan pembajaan, kawalan penggunaan racun, teknik tanaman dan kepelbagaian benih tanaman. Jabatan juga menggalakkan petani mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB) dengan cara memohon sijil Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) dan Skim Organik Malaysia (SOM) bagi menghasilkan produk tanaman yang berkualiti dan berdaya saing. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Sasaran pendapatan bersih RM1,000 sebulan bagi projek Perladangan Berkelompok (PB) masih belum tercapai sepenuhnya.
- Pelanggaran residu penggunaan racun makhluk perosak yang melebihi kadar *Maximum Residue Limit* (MRL) yang ditetapkan dan pengawalan penggunaan jenis racun makhluk perosak yang digunakan oleh petani.
- Bantuan input pertanian dan pinjaman peralatan tidak mengikut kriteria yang ditetapkan.
- Pengeluaran baja dari stor tidak mengikut kaedah Masuk Dahulu Keluar Dahulu (MDKD).
- Agen Pengembangan Kawasan (APK) tidak mengemas kini modul Laporan Pengeluaran Hasil serta Maklumat Ladang Dan Tanaman petani di dalam sistem AgriS GeoPortal (AgriS).

1.4.1. Pengeluaran Hasil Industri Tanaman Sayur-sayuran

1.4.1.1. Bagi memastikan program pembangunan industri tanaman sayur-sayuran mencapai matlamat Jabatan iaitu meningkatkan pengeluaran hasil pertanian, Jabatan perlu menetapkan sasaran keluasan dan sasaran pengeluaran hasil setiap tahun.

1.4.1.2. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak menetapkan sasaran keluasan tanaman, bilangan petani dan pengeluaran hasil bagi tahun 2011 dan 2012. Sasaran hanya disediakan untuk tahun 2013 sahaja. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati keluasan kawasan tanaman bagi tahun 2012 meningkat sebanyak 16.52 hektar daripada 477.17 hektar pada tahun 2011 kepada 493.69 hektar. Pada tahun 2013, keluasan kawasan tanaman adalah seluas 521.83 hektar iaitu peningkatan sebanyak 28.14 hektar. Manakala bagi bilangan petani, ia telah meningkat daripada 715 orang pada tahun 2011 kepada 879 orang pada tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 164 orang petani. Dari segi pengeluaran hasil pula, berlaku trend peningkatan pada setiap tahun di mana pengeluaran pada tahun 2011 berjumlah 31,550.48 tan metrik telah meningkat kepada 33,842.79 tan metrik pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah 2,292.31 tan metrik atau 7%. Manakala pengeluaran hasil pada tahun 2013 juga telah meningkat kepada 36,209.78 tan metrik iaitu peningkatan sejumlah 2,366.99 tan metrik atau 7% berbanding pengeluaran hasil tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2

Keluasan Tanaman, Bilangan Petani Dan Pengeluaran Hasil Tanaman Sayur-sayuran Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Keluasan Tanaman (Hektar)	Bilangan Petani	Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	Pengeluaran (RM Juta)
2011	477.17	715	31.55	80.45
2012	493.69	758	33.84	89.01
2013	521.83	879	36.21	97.04
Jumlah			101.60	266.50

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang

1.4.1.3. Peningkatan pengeluaran hasil adalah disebabkan luas kawasan yang diusahakan oleh petani meningkat setiap tahun dari tahun 2011 sehingga 2013 iaitu peningkatan keluasan kawasan tanaman sebanyak 44.66 hektar. Selain itu, hasil temu bual dengan pegawai Jabatan juga mendapati pengeluaran meningkat disebabkan oleh penambahan bilangan petani dan petani sedia menerima dan mencuba teknologi baru yang diperkenalkan oleh Jabatan seperti kawalan pembajaan, kawalan penggunaan racun, teknik tanaman dan kepelbagaian benih tanaman.

1.4.1.4. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 19 Mac 2014, penetapan sasaran Jabatan adalah seperti di *Key Performance Indicator (KPI) Jabatan*. Pada tahun 2013 Jabatan telah mencapai sasaran pengeluaran yang telah ditetapkan iaitu pencapaian sebenar adalah 36.2% berbanding 36% seperti yang ditetapkan oleh Jabatan. Program Jabatan lebih tertumpu kepada petani yang terlibat dengan aktiviti tanaman sayur-sayuran dengan meningkatkan produktiviti pengeluaran per hektar.**

Pada pendapat Audit, peningkatan keluasan tanaman, bilangan petani dan pengeluaran hasil sayur-sayuran di Pulau Pinang adalah baik kerana meningkat setiap tahun.

1.4.2. Sasaran Pendapatan Bersih RM1,000 Sebulan

1.4.2.1. Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan Jabatan, Jabatan menyasarkan untuk meningkatkan pendapatan bersih petani sejumlah RM1,000 sebulan.

1.4.2.2. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Pengeluaran Hasil Dan Pendapatan Tahunan bagi sayur-sayuran mendapati purata pendapatan petani per hektar adalah berjumlah RM5,520 sebulan. Bagaimanapun, analisa terhadap sampel data untuk projek perladangan berkelompok yang dijana melalui sistem AgriS bagi tahun 2011 mendapati seramai 244 daripada 403 petani atau 60.5% berjaya memperoleh pendapatan melebihi RM1,000 sebulan. Manakala bagi tahun 2012 seramai 268 daripada 526 petani atau 51% berjaya memperoleh pendapatan melebihi RM1,000 sebulan. Walaupun berlaku peningkatan bilangan petani seramai 24 orang pada tahun 2012 tetapi peratus pencapaian berkurangan daripada 60.5% kepada 51%. Bagi tahun 2013 seramai 373 orang berjaya memperoleh pendapatan RM1,000 sebulan berbanding 268 orang pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 105 orang petani atau 39.2%. Butiran adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Pendapatan Bersih Bulanan Petani Sayur-sayuran

Tahun	Bilangan Petani Sayur	RM1,000 Ke Bawah (Bil. Petani)	RM1,001 Dan Ke Atas (Bil. Petani)	Pencapaian Sasaran (%)
2011	403	159	244	60.5
2012	526	258	268	51.0
2013	522	149	373	71.4

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang

1.4.2.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati Jabatan tidak menetapkan sasaran bilangan petani yang mencapai pendapatan melebihi RM1,000 sebulan. Keadaan ini menyebabkan Jabatan tidak dapat mengukur pencapaian matlamat program ini untuk menambah bilangan petani yang berpendapatan RM1,000 sebulan.

1.4.2.4. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 19 Mac 2014, Jabatan lebih mementingkan peningkatan jumlah bilangan petani sayur yang mendapat pendapatan RM1,000 sebulan iaitu 373 orang pada tahun 2013 berbanding 268 orang pada tahun 2012.**

1.4.2.5. Pihak Audit mendapati faktor utama petani yang memperoleh pendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan adalah disebabkan oleh faktor usia. Butiran adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Pendapatan Petani Kurang Daripada RM1,000 Sebulan Mengikut Umur

Tahun	Bilangan Petani				Jumlah
	30 Tahun Ke Bawah	30 Tahun – 50 Tahun	51 Tahun Ke Atas	Tiada Maklumat No Kad Pengenalan	
2011	3	40	114	2	159
2012	8	65	181	4	258
2013	4	40	105	-	149

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pencapaian pendapatan bersih bulanan petani adalah baik. Bagaimanapun pendapatan petani secara berkelompok masih boleh dipertingkatkan di mana petani perlu memfokuskan kepada aktiviti tanaman sayur-sayuran secara sepenuh masa. Di samping itu, Jabatan juga perlu mempergiatkan program kebaikan bertani untuk menarik minat golongan muda.

1.4.3. Pengeluaran Berkualiti Dan Selamat Dimakan

1.4.3.1. Penggunaan Racun Makhluk Perosak Yang Tidak Dibenarkan

- a. Jabatan menggalakkan petani mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB) yang berkonsepkan mesra alam sekitar, menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja bagi menghasilkan produk yang berkualiti, meningkatkan pengeluaran hasil dan dapat bersaing di pasaran domestik serta selamat dimakan. Selain itu, Jabatan juga

menetapkan racun yang digunakan hendaklah daripada jenis racun perosak yang berdaftar, mengikut label seperti mematuhi jenis tanaman yang disyorkan, kadar bancuhan, kekerapan dan teknik semburan serta tempoh dilarang mengutip hasil. Pemantauan residu racun perosak adalah untuk mengesan jenis-jenis racun perosak yang digunakan.

- b. Semakan Audit terhadap laporan keputusan analisis residu racun yang disediakan oleh Unit Makmal Residu, Kompleks Pertanian Cameron Highlands (Makmal) mendapati 118 sampel atau 12.8% daripada 923 sampel tanaman sayur-sayuran di daerah SPU, SPT, SPS dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda bagi tahun 2011 hingga 2013 telah melanggar *Maximum Residue Limit* (MRL). Kesemua sampel yang dianalisis residu racun bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah sampel yang diambil daripada peserta program. Empat kumpulan racun perosak yang dianalisis ialah *Dithiocarbamate*, *Organo Phosphate*, *Organo Chlorine* dan *Pyrethroid*. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Kes Pelanggaran Penggunaan Racun Makhluk Perosak Bagi TKPM Ara Kuda Dan 3 Daerah Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Bil.	TKPM/Daerah	Bil. Sampel Dianalisis			Bil. Sampel Melanggar			Sampel Melanggar (%)		
		2011	2012	2013	2011	2012	2013	2011	2012	2013
1.	TKPM Ara Kuda	225	147	164	37	30	11	16.4	20.4	6.0
2.	Seberang Perai Utara	60	33	47	9	2	7	15.0	6.1	14.9
3.	Seberang Perai Tengah	47	29	44	3	4	4	6.4	13.8	9.1
4.	Seberang Perai Selatan	55	38	34	6	2	3	10.9	5.3	8.8
Jumlah Kecil		387	247	289	55	38	25	14.2	22.3	8.4
Jumlah Besar		923			118			12.8		

Sumber: Jabatan Pertanian Pulau Pinang

- c. Analisa yang dilakukan terhadap 90 daripada 118 sampel yang melanggar MRL mendapati 68 sampel melanggar MRL bagi penggunaan racun kulat *Dithiocarbamate* yang tinggi di dalam sayur-sayuran antara 3.4% hingga 5,964%. Manakala sebanyak 4 sampel dikesan mengandungi salah satu daripada tiga jenis racun yang tidak dibenarkan kepada sayuran iaitu *Profenofos*, *Triazolpos* dan *Prothiophos*. Hasil ujian residu racun makhluk perosak juga mendapati wujudnya penggunaan racun *Methamidophos* di dalam 8 sampel yang diuji di mana racun ini hanya dibenarkan untuk tanaman kelapa dan kelapa sawit. Hanya 1 sampel mengandungi racun jenis *Endosulfan* yang telah diharamkan penggunaannya atau ditamatkan pendaftarannya. Tiga sampel mengandungi racun jenis *Diazinon* yang melebihi MRL yang ditetapkan. Terdapat racun *Parathion-methyl* di dalam 2 sampel di mana racun ini tidak disyorkan kepada sayuran jenis timun dan bendi. Manakala baki 4 lagi sampel didapati mengandungi salah satu racun seperti *Chlorpyrifos*, *Lambda-cyhalothrin*, *Permethrin* dan *Deltamethrin*.

- d. Hasil temu bual yang dijalankan semasa lawatan Audit dengan petani-petani sayur bagi ketiga-tiga daerah mendapati kes pelanggaran ini berlaku disebabkan hasil dituai dalam tempoh dilarang mengutip hasil, tidak mengikut kadar bancuhan yang ditetapkan dan kekerapan semburan dilakukan kerana dipengaruhi oleh serangan makhluk perosak. Bagi setiap kes pelanggaran residu racun perosak, Jabatan telah mengambil tindakan susulan dengan menyiasat punca berlakunya pelanggaran dan memberikan khidmat nasihat teknikal serta menyediakan laporan siasatan (RF-2). Laporan tersebut melaporkan mengenai kemajuan dan tindakan-tindakan yang telah diambil bagi menangani penyalahgunaan racun perosak. Laporan tersebut juga dihantar ke Ibu Pejabat Jabatan bagi tujuan pemantauan.
- e. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 19 Mac 2014, Jabatan mengakui berlakunya pelanggaran sampel bagi negeri Pulau Pinang pada tahun 2012 iaitu sebanyak 13.5% dan menurun kepada 10% pada tahun 2013. Jabatan menasaskan kadar pelanggaran sampel akan menurun kepada 8.5% pada tahun 2014. Keadaan ini berlaku disebabkan bilangan sampel yang diambil bagi negeri Pulau Pinang adalah lebih banyak daripada sebahagian negeri yang menjadi pengeluar sayur di Malaysia. Walau bagaimanapun, kadar pelanggaran di negeri Pulau Pinang adalah lebih rendah daripada kadar nasional. Pengambilan sampel untuk pemeriksaan sisa baki adalah lebih kepada satu aktiviti dalam program pengembangan Jabatan dan dilaksanakan secara sukarela oleh petani. Proses ini adalah lebih kepada usaha untuk mendidik petani untuk mengamalkan Amalan Pertanian Baik. Jabatan tidak mempunyai sebarang kuasa untuk memaksa petani menyertai program ini.**

1.4.3.2. Penghantaran Sampel Kali Kedua Dan Ketiga Tidak Dibuat

- a. Pemantauan residu racun perosak dilakukan bagi memastikan penggunaan racun perosak di kalangan petani agar sentiasa berada di paras terkawal. Jabatan telah menetapkan melalui Buku Panduan Pelaksanaan Program Pemantauan Penggunaan Racun Perosak Dalam Hasil Pertanian bahawa jika berlaku pelanggaran MRL terhadap penggunaan racun makhluk perosak pada kali pertama, Jabatan perlu menghantar sampel ke-2 (hasil tanaman berikutnya) daripada petani yang sama ke makmal untuk dijalankan ujian. Jika masih berlaku pelanggaran MRL, Jabatan perlu menghantar sampel ke-3 (hasil tanaman berikutnya) daripada petani yang sama. Sekiranya masih berlaku pelanggaran MRL pada sampel ke-3, Jabatan hendaklah melaporkan kepada pihak berkuasa (Jabatan Kesihatan) untuk tindakan penguatkuasaan ke atas pengusaha terbabit.
- b. Semakan Audit terhadap keputusan ujian pelanggaran MRL terhadap penggunaan racun makhluk perosak bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 bagi daerah SPU, SPT, SPS dan TKPM Ara Kuda mendapati satu kes pelanggaran MRL tiga kali berturut-turut dan Jabatan tidak melaporkan kepada Jabatan Kesihatan untuk diambil tindakan penguatkuasaan. Sebanyak 50 kes sampel kedua dan 6 kes sampel ke-3

tidak dihantar ke makmal bagi tujuan ujian residu racun. Butirannya adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Sampel Kedua Dan Ketiga Tidak Dihantar Untuk Ujian Residu Racun
Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Tahun	Bilangan Sampel Ke-2 Tidak Dihantar Ke Makmal	Bilangan Sampel Ke-3 Tidak Dihantar Ke Makmal
2011	21	4
2012	14	2
2013	15	-
Jumlah	50	6

Sumber: Jabatan Pertanian Pulau Pinang

- c. Hasil temu bual mendapati kegagalan penghantaran sampel ke-2 dan ke-3 adalah disebabkan amalan penghantaran sampel menggunakan kaedah penggiliran mengikut kawasan APK bagi setiap daerah tanpa mengambil kira sampel yang telah melanggar MRL pada bulan sebelumnya.
- d. Kesan daripada kegagalan Jabatan menghantar sampel kali ke-2 dan ke-3 untuk diuji tahap racun di dalam sayur-sayuran menyebabkan pengguna mungkin menanggung risiko yang boleh membahayakan kesihatan. Di samping itu, matlamat Jabatan untuk melahirkan petani mengikut APB iaitu hasil ladang selamat dimakan dan mempunyai daya saing yang tinggi di pasaran tidak akan tercapai.
- e. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 19 Mac 2014, Jabatan telah mengambil tindakan membuat pemeriksaan terhadap petani tersebut dan mendapati punca berlaku perlanggaran adalah disebabkan amalan pascatuai yang salah. Petani telah memberi komitmen untuk mengatasi masalah tersebut dengan cara pengambilan sampel kali ke-4 dan didapati tiada lagi berlaku perlanggaran sampel daripada petani tersebut. Petani juga amat memberi kerjasama dalam mengamalkan Amalan Pertanian Baik dan telah dianugerahkan Sijil Amalan Pertanian Baik.**

1.4.3.3. Sampel Sayur Dibasuh Sebelum Dihantar Ke Makmal Ujian Residu Racun

- a. Sampel tidak boleh dibasuh terlebih dahulu sebelum dihantar ke makmal bagi mengekalkan keaslian sampel yang dihantar. Ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Residu Racun Pada Tanaman Makanan Bil. 1/2011 peringkat Ibu Pejabat Jabatan dan Borang Penolakan Sampel Untuk Analisis Sisa Baki Racun Perosak (RF-3) yang menyatakan sampel tidak boleh dibersihkan dengan air.
- b. Lawatan Audit sewaktu proses pengambilan sampel untuk dihantar ke makmal untuk ujian sisa baki racun mendapati ada sampel dibersihkan dengan air terlebih dahulu

sebelum dibungkus terutamanya bagi kategori sayur daun seperti bayam dan kangkung. Kerja pembersihan sampel sayur daun adalah seperti di **Gambar 1.1**. Hasil temu bual dengan Ahli Kimia di Unit Makmal Residu, Cameron Highlands mengesahkan makmal tidak akan menganalisis dan memulangkan sampel yang telah dibasuh sebagai sampel rosak dengan mengembalikan sampel bersama-sama Borang RF-3.



Gambar 1.1
Sampel Dibasuh Dengan Air

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Temusu, Seberang Perai Tengah
Tarikh: 18 November 2013

- c. Hasil temu bual dengan pegawai pertanian mendapati telah menjadi amalan Jabatan di mana jika petani membasuh sayur sebelum dipasarkan maka sampel yang diambil untuk dihantar ujian sisa baki racun turut dibasuh terlebih dahulu.
- d. Pembersihan sampel sayur sebelum dihantar ke makmal boleh menyebabkan keputusan analisis residu racun perosak menjadi tidak tepat kerana bekas pembersihan sayur tersebut digunakan untuk mencuci berbagai-bagai jenis sayur di mana risiko terjadinya pencemaran ke atas sampel adalah tinggi.
- e. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 19 Mac 2014, sampel yang diambil untuk pemeriksaan sisa baki adalah dari sampel yang sedia dipasarkan kepada pengguna berdasarkan kepada amalan pasca tuai yang diamalkan oleh petani.**

1.4.3.4. Bekas Racun Perosak Yang Telah Habis Digunakan Tidak Dilupuskan/ Ditanam/Disimpan

- a. Mengikut Amalan Pertanian Baik (APB), bekas racun perosak yang telah habis digunakan mestilah dilupuskan/ditanam/disimpan dengan cara di mana semua bekas mestilah dibilas tiga kali dengan cara memasukkan air ke dalam bekas racun dan menggoncangkannya. Air bilasan dimasukkan ke dalam tong semburan racun dan bekas racun perosak kosong yang ditebuk. Kemudian bekas racun perosak tersebut perlu dibakar di dalam lubang sedalam 0.5 hingga 1 meter dan kedudukan lubang mestilah pada jarak melebihi 30 meter dari punca air.

- b. Lawatan Audit ke kawasan ladang iaitu di PB Seberang Perai Tengah dan di PB Seberang Perai Selatan mendapati bekas racun perosak yang telah habis digunakan tidak dilupuskan/ditanam/disimpan mengikut APB tetapi dilonggokkan di kawasan ladang seperti di **Gambar 1.2** hingga **Gambar 1.5**.

Gambar 1.2
Bekas Racun Perosak Tidak Dilupuskan/Ditanam/Disimpan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Baru Alma, SPT
Tarikh: 25 November 2013

Gambar 1.3
Bekas Racun Perosak Tidak Dilupuskan/Ditanam/Disimpan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Temusu, SPT
Tarikh: 18 November 2013

Gambar 1.4
Bekas Racun Perosak Tidak Dilupuskan/Ditanam/Disimpan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PB Sayur Lima Kongsi, SPS
Tarikh: 21 November 2013

Gambar 1.5
Bekas Racun Perosak Tidak Dilupuskan/Ditanam/Disimpan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PB Sayur Changkat, SPS
Tarikh: 21 November 2013

- c. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 19 Mac 2014, Jabatan tiada kuasa undang-undang untuk memastikan bekas racun perosak dilupuskan/ditanam/disimpan oleh petani mengikut amalan yang sesuai. Walau bagaimanapun, Jabatan telah mengadakan Kempen Kitar Semula Bekas Racun Makhluk Perosak. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 12 kempen telah dilaksanakan di seluruh negeri dan sebanyak 7 tempat pengumpulan bekas racun makhluk perosak telah disediakan bagi menggalakkan petani menghantar bekas racun makhluk perosak yang telah habis dibilas 3 kali dan ditebuk dikumpulkan. Jumlah kutipan bekas racun pada tahun 2012 adalah berjumlah 112.9kg dan pada tahun 2013 berjumlah 307.4kg. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 172%.**

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap penggunaan racun makhluk perosak adalah kurang memuaskan daripada aspek pelanggaran tahap minimum residu racun yang dibenarkan serta penghantaran sampel ke-2 dan ke-3 untuk ujian sisa baki racun. Manakala pembersihan sampel boleh menyebabkan keputusan sampel yang diuji tidak tepat. Selain itu, dari segi pelupusan bekas racun perosak yang kosong tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

1.4.4. Bantuan Input Pertanian Dan Pinjaman Peralatan/Mesin

1.4.4.1. Bantuan Diluluskan Kepada Petani Yang Tidak Berdaftar Dengan Jabatan

- a. Semua petani yang ingin memohon bantuan mestilah berdaftar dengan Jabatan. Proses pendaftaran ini dilakukan oleh pegawai APK melalui sistem AgrIS. Ini bertujuan supaya petani tersebut layak untuk memohon sebarang bantuan/insentif yang disediakan oleh Jabatan dengan cara memohon kepada Pejabat Pertanian Daerah. Jawatankuasa di peringkat negeri akan meneliti dan menilai jenis insentif, teknologi dan kemudahan yang sesuai untuk disalurkan kepada pemohon. Seterusnya, ahli Jawatankuasa peringkat Ibu Pejabat akan bermesyuarat dan membuat kelulusan permohonan yang telah dicadangkan oleh Jabatan Pertanian Negeri.
- b. Semakan Audit bagi tempoh 3 tahun iaitu mulai tahun 2011 hingga 2013 mendapati sebanyak 209 permohonan bantuan telah diluluskan kepada petani di bawah projek tanaman sayur-sayuran di 3 daerah iaitu SPU, SPT dan SPS. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah keseluruhan permohonan bantuan bagi 3 daerah tersebut kerana hanya dokumen yang diluluskan dikemukakan manakala borang permohonan bantuan yang ditolak tidak dikemukakan sepanjang tempoh pengauditan. Semakan selanjutnya antara borang permohonan bantuan dengan sistem AgrIS mendapati, daripada jumlah tersebut sebanyak 84 pemohon yang menerima bantuan tidak didaftarkan dalam sistem AgrIS semasa bantuan diluluskan. Butirannya seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Bantuan Diluluskan Kepada Petani Tidak Berdaftar

Perkara	2011			2012			2013			Jumlah
	SPU	SPT	SPS	SPU	SPT	SPS	SPU	SPT	SPS	
Permohonan Diluluskan	24	21	17	52	29	22	30	-	14	209
Permohonan Diluluskan Kepada Pemohon Yang Tidak Berdaftar	14	5	3	26	9	8	14	-	5	84

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang

- c. Analisis Audit mendapati permohonan diluluskan kepada pemohon yang tidak didaftarkan dalam sistem AgrIS di SPU adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 26 petani pada tahun 2012 berbanding daerah lain. Manakala pada tahun 2013, pihak Audit

tidak dapat membuat pengesahan terhadap permohonan yang diluluskan bagi daerah SPT kerana tiada dokumen dikemukakan untuk semakan.

- d. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 19 Mac 2014, pendaftaran dalam Sistem AgrIS bukanlah syarat utama dalam pemberian bantuan di mana pendaftaran secara manual di daerah juga boleh diterima pakai. Daripada semakan Jabatan secara manual didapati semua peserta telah berdaftar dengan Jabatan.**

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu mendaftarkan petani di dalam sistem AgrIS memandangkan modul pendaftaran petani ada diwujudkan di dalam sistem tersebut yang diguna pakai sejak tahun 2008. Kegagalan Jabatan mendaftarkan petani di dalam sistem AgrIS tetapi masih menggunakan pendaftaran petani secara manual menyebabkan sistem tersebut tidak diaplikasikan sepenuhnya.

1.4.4.2. Kemudahan Pinjaman Peralatan/Mesin

Peralatan/mesin pertanian yang disediakan oleh Jabatan adalah seperti pam air, pembajak, mesin pemotong rumput dan penyembur bergalas. Bagi tahun 2011 hingga 2013 Jabatan telah membuat perolehan peralatan/mesin berjumlah RM572,773 seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8
Perolehan Peralatan/Mesin Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013

Bil.	Jenis	Tahun						Jumlah (RM)
		2011		2012		Julai 2013		
		Bil. Unit	Kos (RM)	Bil. Unit	Kos (RM)	Bil. Unit	Kos (RM)	
1.	Pam Air	12	101,200	13	63,418	18	190,820	355,438
2.	Pembajak Mini	11	54,300	4	18,280	-	-	72,580
3.	Pembajak	5	64,500	-	-	2	27,800	92,300
4.	<i>Bush Cutter</i>	14	16,100	2	1,900	-	-	18,000
5.	Penyembur Bergalas	10	21,735	4	9,600	1	3,120	34,455
Jumlah		52	257,835	23	93,198	21	221,740	572,773

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang

a. Peralatan/Mesin Yang Tidak Digunakan

- i. Berdasarkan Perjanjian Pinjaman Peralatan/Mesin, Jabatan berhak menarik balik pinjaman tersebut jika didapati peralatan/mesin tidak digunakan sepenuhnya atau digunakan untuk tujuan lain daripada yang ditetapkan. Selain itu, peminjam perlu membaiki peralatan/mesin sekiranya mengalami kerosakan semasa dalam tempoh pinjaman.
- ii. Lawatan Audit pada 21 dan 25 November 2013 mendapati 2 jentera pembajak daripada 17 sampel yang dipilih di Bagan Buaya, SPS dan Kebun Sireh, SPT


tidak digunakan oleh peminjam kerana mengalami kerosakan dan tidak dibaiki oleh peminjam seperti di **Gambar 1.6** dan **Gambar 1.7**.

Gambar 1.6
Pembajak Yang Rosak Dan Terbiar Tidak Dibaiki Oleh Peminjam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bagan Buaya, Seberang Perai Selatan
Tarikh: 21 November 2013

Gambar 1.7
Pembajak Yang Rosak Dan Terbiar Tidak Dibaiki Oleh Peminjam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kebun Sireh, Seberang Perai Tengah
Tarikh: 25 November 2013

- iii. Selain itu, lawatan Audit pada hari yang sama mendapati 1 pam air yang masih berkeadaan baik hanya disimpan dan tidak digunakan disebabkan peminjam tiada keperluan untuk menggunakannya seperti di **Gambar 1.8**. Berdasarkan temu bual dengan peminjam, pam air tersebut digunakan sebagai *back up* jika berlaku kerosakan pada pam air milik peminjam. Pada pandangan Audit, Jabatan perlu mengambil balik peralatan/mesin berkenaan daripada peminjam yang telah melanggar perjanjian pinjaman. Kegagalan Jabatan untuk mengambil balik pembajak yang rosak untuk dibaiki dan pam air yang tidak digunakan menyebabkan peralatan/mesin yang dibekalkan tidak dapat diagihkan kepada petani yang lebih memerlukan.



Gambar 1.8
Pam Air Yang Tidak Digunakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Valdor, Seberang Perai Selatan
Tarikh: 21 November 2013

- iv. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 19 Mac 2014, pihak Jabatan telah menarik balik peralatan/mesin di Bagan Buaya, Seberang Perai Selatan dan Kebun Sireh, Seberang Perai Tengah pada 3 Mac 2014 dan 4 Mac 2014 untuk tujuan pemeriksaan.**

b. Perjanjian Pinjaman Peralatan/Mesin

- i. Setiap petani yang menerima kemudahan pinjaman peralatan/mesin daripada Jabatan perlu menandatangani Perjanjian Pinjaman Peralatan/Mesin. Sekiranya tempoh perjanjian telah tamat peminjam perlu menandatangani semula perjanjian untuk melanjutkan tempoh pinjaman. Bagi perjanjian yang dibuat pada tahun 2012 tempoh perjanjian adalah selama 6 bulan manakala bagi tahun 2013 tempoh perjanjian dilanjutkan kepada 2 tahun.

- **Perjanjian Pinjaman Peralatan/Mesin Tidak Diperbaharui**

Semakan Audit mendapati perjanjian pinjaman pada tahun 2012 tidak diperbaharui bagi 7 peminjam setelah tamat tempoh sah selama 6 bulan tetapi peralatan/mesin tidak dipulangkan dan Jabatan tidak mengambil tindakan untuk mendapatkan semula peralatan/mesin daripada peminjam seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9
Perjanjian Pinjaman Peralatan/Mesin Tidak Diperbaharui Bagi Tahun 2012

Bil.	No. Siri Pendaftaran	Jenis Peralatan	Harga Peralatan (RM)	Tarikh Perjanjian Ditandatangani	Tarikh Perjanjian Tamat
1.	PPN/01/H/2012/TANI/00000023	Pam Air	4,850	27.08.2012	26.02.2013
2.	PPN/01/H/2012/JENT/00000011	Pembajak Mini	4,570	29.11.2012	28.05.2013
3.	PPN/01/H/2012/JENT/00000012	Pembajak Mini	4,570	29.11.2012	28.05.2013
4.	PPN/01/H/2012/JENT/00000013	Pembajak Mini	4,570	29.11.2012	28.05.2013
5.	PPN/01/H/2012/TANI/00000012	Pam Air	10,890	29.11.2012	28.05.2013
6.	PPN/01/H/2012/TANI/00000017	Pam Air	4,850	07.12.2012	06.06.2013
7.	PPN/01/H/2012/TANI/00000015	Pam Air	4,850	07.12.2012	06.06.2013

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang

- **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 19 Mac 2014, Jabatan telah mengambil tindakan memperbaharui perjanjian pinjaman peralatan/mesin selepas teguran Audit. Selain itu, proses mengemas kini sistem Inventori bagi semua peralatan sedang dijalankan dan akan dilaporkan secara bulanan di dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan.**
- **Perjanjian Pinjaman Peralatan/Mesin Tidak Disediakan**

Semakan Audit mendapati bagi tahun 2012 dan 2013, perjanjian bagi 12 pinjaman peralatan/mesin seperti di **Jadual 1.10** tidak dibuat. Keadaan ini menyebabkan Jabatan sukar memantau pergerakan peralatan/mesin yang

diberi dan meningkatkan risiko kehilangan peralatan/mesin. Selain itu, tindakan pengambilan balik peralatan/mesin tidak dapat dibuat kerana kesukaran menentukan kedudukan peralatan/mesin berkenaan.

Jadual 1.10
Perjanjian Pinjaman Mesin Tidak Disediakan Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2013

Bil.	Tahun Perolehan	No. Siri Pendaftaran	Jenis Peralatan	Harga Peralatan (RM)
1.	2012	PPN/01/H/2012/MESN/00000051	Pam Air	1,188
2.	2012	PPN/01/H/2012/MESN/00000055	Pam Air	4,850
3.	2012	PPN/01/H/2012/TANI/00000013	Pam Air	10,890
4.	2012	PPN/01/H/2012/MESN/00000052	<i>Bush Cutter</i>	950
5.	2012	PPN/01/H/2012/MESN/00000053	<i>Bush Cutter</i>	950
6.	2012	PPN/01/H/2012/MESN/00000068	Pam Air Elektrik	3,500
7.	2012	PPN/01/H/2012/MESN/00000069	Pam Air Elektrik	3,500
8.	2013	PPN/01/H/2013/TANI/00000020	Pam Air	11,320
9.	2013	PPN/01/H/2013/TANI/00000021	Pam Air	11,320
10.	2013	PPN/01/H/2013/TANI/00000026	Pam Air	11,320
11.	2013	PPN/01/H/2013/TANI/00000031	Pam Air	11,320
12.	2013	PPN/01/H/2013/TANI/00000038	Pam Air	4,850

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang.

- ii. Keadaan ini berlaku kerana kurangnya koordinasi di antara Pejabat Pertanian Daerah dengan Ibu Pejabat yang menyebabkan perjanjian tidak disediakan dan tidak diperbaharui.
- iii. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 19 Mac 2014, Jabatan telah mengambil tindakan dengan menyediakan Dokumen Perjanjian Pinjaman Mesin kepada 12 orang peserta tersebut. Selain itu, pemantauan sistem Inventori bagi semua peralatan/mesin sedang dijalankan dan akan dilaporkan secara bulanan di dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan.**

1.4.5. Perolehan Baja

1.4.5.1. Bekalan Baja Yang Tidak Diedarkan

- a. Perenggan 135, Bab D Tatacara Pengurusan Stor menetapkan pengeluaran stok hendaklah mengikut sistem Masuk Dahulu Keluar Dahulu (MDKD) dengan memastikan stok yang diterima dahulu dikeluarkan dahulu. Sistem pengeluaran yang cekap dan teratur dapat mengelakkan stok yang telah lama disimpan tidak dikeluarkan.
- b. Semakan Audit terhadap perolehan baja mendapati pada tahun 2011, Jabatan telah membuat perolehan baja NPK 15:15:15 sebanyak 1,025 kampak dengan nilai perolehan RM109,675. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 360 kampak baja NPK 15:15:15 berjenama Rainbow dan German Lion berjumlah RM38,520 tidak diagihkan kepada petani dan tersimpan di dalam stor seperti di **Gambar 1.9**. Keadaan ini berlaku kerana pengeluaran stok baja yang diamalkan oleh Jabatan tidak

menggunakan kaedah MDKD di mana pengagihan baja yang dibuat menggunakan stok baja yang baru.



Gambar 1.9
Stok Baja Yang Tidak Diagihkan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Jabatan Pertanian Negeri
Tarikh: 6 Disember 2013

- c. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 19 Mac 2014, pada asasnya baja yang ada adalah tidak rosak dan berada dalam keadaan baik dan stok ini akan diedarkan di bawah Program Pembangunan Tanaman Sayur-sayuran tahun 2014. Pihak Jabatan akan memastikan stok baja pada masa akan datang akan mematuhi prosedur MDKD.**

Pada pendapat Audit, kaedah pengeluaran stok adalah tidak memuaskan kerana kelewatan mengagihkan baja boleh menyebabkan stok baja rosak dan berlaku pembaziran.

1.4.6. Sistem AgrIS GeoPortal

Sistem AgrIS GeoPortal yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) dan telah diguna pakai oleh semua Jabatan Pertanian Negeri. Sistem ini merupakan portal yang membekalkan informasi pertanian bagi semua peringkat kerajaan dan juga pihak awam secara umum melalui capaian maklumat secara *online (web based)*, capaian *real time*, dan secara *Geographical Information System (GIS)*. Di antara objektif sistem ini dibangunkan adalah untuk mewujudkan satu kaedah pengumpulan data yang seragam, meningkatkan ketepatan dan mengelakkan pertindihan data, meningkatkan kecekapan perancangan dan analisis data untuk membuat keputusan serta membantu mempercepatkan proses pelaporan dan statistik maklumat pertanian. Semakan Audit terhadap sistem AgrIS mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:


1.4.6.1. Agen Pengembangan Kawasan Tidak Mengemas Kini Modul Laporan Pengeluaran Hasil

- a. Agen Pengembangan Kawasan (APK) bertanggungjawab mengemas kini maklumat pelanggan di dalam Modul Laporan Pengeluaran Hasil sistem AgrIS. Maklumat yang dikunci masuk adalah maklumat peribadi, maklumat aset dan maklumat ladang bagi setiap petani yang berdaftar dengan Jabatan bagi menunjukkan pengeluaran hasil

yang tepat dan boleh dipercayai. Modul ini diguna pakai oleh APK untuk memasukkan data-data mengenai jumlah hasil yang dikeluarkan dalam kilogram dan Ringgit Malaysia, lokasi dan luas ladang serta jenis tanaman yang diusahakan. Selain itu, ia juga digunakan untuk melihat pencapaian bilangan pelanggan di Pulau Pinang serta mengukur prestasi APK.

- b. Analisis Audit terhadap 797 daripada 8,401 individu yang didaftar di dalam AgrIS mendapati laporan hasil bagi 37 individu tidak dapat dijana. Keadaan ini menyebabkan laporan pengeluaran hasil yang dijana tidak menunjukkan jumlah yang tepat di mana maklumat tersebut turut dibentangkan di dalam mesyuarat suku tahunan. Hasil temu bual Audit dengan pegawai di Seksyen Pengesanan Dan Penilaian, perkara ini berlaku kerana APK tidak memasukkan atau mengemas kini ruangan Maklumat Ladang Dan Tanaman di dalam sistem AgrIS seperti di **Gambar 1.10**.

Gambar 1.10
APK Tidak Mengemas Kini Maklumat Petani Di Ruangan
Maklumat Ladang Dan Tanaman



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Tarikh: 6 Februari 2014

- c. Semakan susulan mendapati sistem AgrIS memaparkan data yang tidak stabil. Ketidakstabilan data dapat dilihat daripada data yang dimuat turun pada 2 Disember 2013 dan 30 Januari 2014 di mana data pada 2 Disember 2013 menunjukkan jumlah yang lebih tinggi berbanding data pada 30 Januari 2014 walaupun dalam tempoh tersebut berlaku kemasukan data baru. Perbezaan dapat dilihat dari segi luas kawasan, pengeluaran hasil per kilogram, nilai pengeluaran dan nilai pengeluaran bersih dalam Ringgit Malaysia serta purata pendapatan bersih bulanan petani. Pada pandangan Audit semua APK perlu mengemas kini Maklumat Ladang Dan Tanaman dari semasa ke semasa dan tidak menunggu sehingga 28 Februari 2014 untuk melakukannya supaya maklumat pengeluaran hasil dapat dijana dengan tepat. Ketidakstabilan data sistem AgrIS dapat dilihat seperti di **Jadual 1.11**.

Jadual 1.11
Perbezaan Data Di Dalam Sistem AgrIS GeoPortal

Butiran	Data Dimuat Turun Pada 2 Disember 2013	Data Dimuat Turun Pada 30 Januari 2014	Perbezaan
Luas Kawasan (che)	358	266	(92)
Pengeluaran (kg)	5,159,346	3,443,265	(1,716,081)
Nilai Pengeluaran (RM)	7,719,340	5,503,830	(2,215,510)
Nilai Pengeluaran Bersih (RM)	5,252,938	4,332,140	(920,798)
Purata Pendapatan Bersih / Petani / Bulan	477,540	361,011	(116,529)

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang

Pada pendapat Audit, pengemaskinian sistem AgrIS oleh APK adalah kurang memuaskan. APK perlu sentiasa mengemas kini Maklumat Ladang Dan Tanaman serta pengeluaran hasil petani setelah maklumat diterima daripada petani agar sistem dapat menjana maklumat yang tepat.

1.4.7. Pemantauan

Pemantauan dan penyeliaan yang berterusan oleh Jabatan terhadap Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran adalah penting bagi memastikan ia dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Pemeriksaan Audit terhadap aspek pemantauan mendapati perkara seperti berikut:

1.4.7.1. Pemantauan Fizikal

Pemeriksaan Audit mendapati pegawai pertanian yang ditempatkan di setiap daerah telah mengadakan lawatan ke kawasan tanaman sekurang-kurangnya dua kali sebulan. Dari lawatan tersebut, petani yang mempunyai permasalahan di ladang boleh mendapat khidmat nasihat secara terus daripada pegawai yang berada di lapangan.

1.4.7.2. Laporan Kemajuan Program

Jabatan telah mewujudkan satu Sistem Pemantauan Berkomputer Projek. Melalui sistem ini, setiap daerah yang menjalankan projek telah menyediakan laporan prestasi perbelanjaan pembangunan yang mengandungi maklumat dari segi keluasan kawasan projek, jumlah pengeluaran hasil dan pendapatan peserta. Berdasarkan maklumat ini, Jabatan telah menyediakan Laporan Analisis Prestasi Projek yang menunjukkan kemajuan semua projek yang dilaksanakan di setiap daerah di Pulau Pinang.

1.4.7.3. Mesyuarat Jabatan

Bagi memantau pelaksanaan projek Jabatan, Pengarah Pertanian Negeri telah mengadakan Mesyuarat Perancangan Dan Pengurusan Jabatan (MPPJ) secara berkala dengan Pegawai Pertanian Daerah dan APK yang terlibat. Jabatan telah mengadakan

mesyuarat sebanyak 9 kali setahun pada tahun 2011 dan 2012 serta 6 kali pada tahun 2013.

Pada pendapat Audit, pemantauan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan terhadap Pejabat Pertanian Daerah bagi Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran telah dijalankan dengan memuaskan.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan serta menambah baik pengurusan Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Pertanian Pulau Pinang mengambil tindakan seperti berikut:

1.5.1. Jabatan perlu menetapkan sasaran bilangan petani yang mampu mencapai pendapatan RM1,000 sebulan dan membuat pemilihan penerima bantuan input pertanian mengikut kriteria yang ditetapkan.

1.5.2. Meningkatkan pemantauan terhadap penggunaan racun makhluk perosak yang digunakan oleh petani. Begitu juga Jabatan wajar membuat pengeluaran baja dari stor mengikut kaedah MDKD.

1.5.3. Memastikan peralatan/mesin yang rosak dan tidak dibaiki serta tidak digunakan oleh petani diserahkan kembali kepada Jabatan untuk dibaiki dan seterusnya diagihkan kepada petani yang lebih memerlukan.

1.5.4. Memastikan APK mengemas kini data maklumat pengeluaran dan maklumat ladang di dalam sistem AgrIS.

PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

2. PENGURUSAN PROGRAM PELANCONGAN BUKIT BENDERA

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Bukit Bendera atau dikenali sebagai *Penang Hill* merupakan satu kawasan peranginan tanah tinggi yang terkenal di negeri Pulau Pinang. Bukit Bendera terletak lebih kurang 6.4 kilometer dari Pusat Bandaraya Georgetown dengan ketinggian 830 meter dari aras laut menjadikannya sebuah destinasi pelancongan yang unik dengan panorama Bandaraya Georgetown dan alam semula jadi serta warisannya yang tersendiri. Keluasan kawasan Bukit Bendera ialah 464.14 hektar terdiri dari kawasan Hutan Lipur, tanah milik persendirian, kawasan kuarters kerajaan, hotel dan kawasan pembangunan lain. Keunikan yang menjadi daya tarikan utama pelancong Bukit Bendera ialah kereta api. Landasan kereta api Bukit Bendera adalah sepanjang 2,007 meter.

2.1.2. Pembinaan kereta api bukit dimulakan pada tahun 1920 dan telah siap pada tahun 1923. Perkhidmatan pertama kereta api Bukit Bendera bermula pada bulan Oktober 1923. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh satu badan tersendiri yang ditadbir dan diuruskan oleh *City Engineer Electric Supply Department, City Council of Penang*. Pada awal bulan Januari 1976, Lembaga Letrik Negara mengambil alih pentadbiran kereta api Bukit Bendera daripada Jabatan Letrik, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). Seterusnya pada awal bulan Januari 1977 keseluruhan pentadbiran kereta api Bukit Bendera telah diambil alih oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

2.1.3. Pada 1 Jun 2010, Perbadanan Bukit Bendera (Perbadanan) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang 2009 (Enakmen) berfungsi mengurus, mengendali, mengawal dan menyelenggara perkhidmatan kereta api Bukit Bendera. Perbadanan bertanggungjawab untuk memaju, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi, sosial dan infrastruktur di kawasan Perbadanan. Di samping itu, Perbadanan telah menetapkan visinya untuk menjadi destinasi pelancongan pilihan utama di Malaysia melalui Perancangan Strategik Tahun 2013-2017.

2.1.4. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, Perbadanan telah membelanjakan sejumlah RM38.41 juta perbelanjaan mengurus melebihi daripada peruntukan berjumlah RM31.71 juta. Daripada RM38.41 juta, sejumlah RM13.50 juta merupakan sumbangan Perbadanan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Selain itu Perbadanan juga ada menerima sejumlah RM9.28 juta daripada Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) bagi tempoh 2011 hingga 2013 untuk projek pembangunan di kawasan Bukit Bendera.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada program pelancongan di Bukit Bendera diurus dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada pengurusan program pelancongan Bukit Bendera bagi tempoh 2011 hingga 2013. Kaedah pengauditan adalah dengan memeriksa fail, minit mesyuarat dan dokumen yang berkaitan di Pejabat Perbadanan. Perbincangan dengan pegawai yang terlibat turut dijalankan. Selain itu, lawatan turut dibuat untuk melihat keadaan sebenar pelaksanaan program pelancongan. Borang soal selidik turut diedarkan kepada pelancong bagi menilai tahap kepuasan pelancong terhadap program yang dianjurkan oleh Perbadanan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2013 mendapati program pelancongan Bukit Bendera yang dilaksanakan oleh Perbadanan adalah memuaskan dari segi kelancaran operasi kereta api yang mencapai kelancaran operasi maksimum. Selain itu, prestasi kedatangan pelancong dan kutipan hasil melebihi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan seperti berikut:

- Maklumat dalam risalah pelancongan tidak tepat.
- Laman sesawang tidak dikemas kini.

2.4.1. Prestasi Kedatangan Pelancong

2.4.1.1. Bilangan Pelancong

Perbadanan telah menetapkan sasaran pelancong domestik dan antarabangsa bagi tahun 2011 hingga 2013 seramai 1.96 juta orang melalui Bajet Tahun 2010-2015. Mengikut maklumat Perbadanan, bilangan pelancong domestik dan antarabangsa yang berkunjung ke Bukit Bendera bagi tempoh yang sama adalah seramai 3.13 juta orang iaitu melebihi sasaran yang ditetapkan seramai 1.17 juta orang atau 59.7%. Selain itu, didapati sambutan daripada pelancong domestik lebih menggalakkan iaitu sebanyak 75.5% berbanding 24.5% daripada pelancong antarabangsa. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1**Statistik Kedatangan Pelancong Domestik Dan Antarabangsa Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013**

Tahun	Sasaran	Pencapaian Kedatangan Pelancong					
		Domestik	Peratus (%)	Antarabangsa	Peratus (%)	Jumlah	Peningkatan (%)
2011	610,000	529,018	76.3	164,572	23.7	693,590	13.7
2012	650,000	923,252	76.6	281,487	23.4	1,204,739	85.3
2013	700,000	912,135	73.9	321,381	26.1	1,233,516	76.2
Jumlah	1,960,000	2,364,405	75.5	767,440	24.5	3,131,845	59.7

Sumber: Perbadanan Bukit Bendera

2.4.1.2. Kutipan Hasil

Perbadanan telah menetapkan sasaran kutipan hasil dari kutipan tiket kereta api bagi tempoh 2011 hingga 2013 sebanyak RM18.82 juta. Analisis Audit mendapati pencapaian kutipan hasil telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu berjumlah RM15.51 juta atau 82.4% berdasarkan jumlah kedatangan pelancong ke Bukit Bendera seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2**Kutipan Hasil Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013**

Tahun	Sasaran (RM)	Pencapaian (RM)	Peningkatan (%)
2011	5,860,000	8,565,718	46.2
2012	6,240,000	12,439,854	99.4
2013	6,720,000	13,322,390	98.3
Jumlah	18,820,000	34,327,962	82.4

Sumber: Perbadanan Bukit Bendera

Pada pendapat Audit, prestasi kedatangan pelancong adalah baik.

2.4.2. Pengurusan Promosi Dan Pemasaran

Produk pelancongan dipromosikan bagi menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke Bukit Bendera. Antara strategi pemasaran dan promosi yang dilaksanakan adalah melalui risalah pelancongan dan laman sesawang. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut:

2.4.2.1. Maklumat Dalam Risalah Pelancongan Tidak Tepat

- a. Risalah pelancongan Bukit Bendera menyenaraikan sebanyak 45 buah banglo yang terdapat di Bukit Bendera. Daripada jumlah tersebut sebanyak 6 buah banglo adalah milik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sebuah banglo adalah milik MPPP dan 2 buah banglo adalah milik Pejabat TYT Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Semakan Audit mendapati 4 banglo warisan iaitu *Convalescent*, *Fern Hill*, *Hill Side* dan *Woodside* yang dinyatakan dalam risalah tidak sesuai untuk dilawati. Ini adalah kerana kawasan banglo ditumbuhi semak samun dan tidak terurus seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4**.

Gambar 2.1
Kawasan Sekitar Banglo *Convalescent*
Ditumbuhi Semak Samun




Sumber: Perbadanan Bukit Bendera
Lokasi: Bukit Bendera
Tarikh: 4 Jun 2013

Gambar 2.2
Kawasan Sekitar Banglo *Fern Hill*
Ditumbuhi Semak Samun




Sumber: Perbadanan Bukit Bendera
Lokasi: Bukit Bendera
Tarikh: 4 Jun 2013

Gambar 2.3
Kawasan Sekitar Banglo *Hillside*
Ditumbuhi Semak Samun



Sumber: Perbadanan Bukit Bendera
Lokasi: Bukit Bendera
Tarikh: 4 Jun 2013

Gambar 2.4
Kawasan Sekitar Banglo *Woodside*
Ditumbuhi Semak Samun




Sumber: Perbadanan Bukit Bendera
Lokasi: Bukit Bendera
Tarikh: 4 Jun 2013

- b. **Berdasarkan maklum balas Perbadanan bertarih 21 Mac 2014, pada bulan Jun 2013 Perbadanan telah mengambil inisiatif menyediakan kertas cadangan pembangunan kepada Kementerian Pelancongan Malaysia bagi membangunkan banglo-banglo yang terlibat iaitu *Fernhill, Convalescent, Hill Side dan Woodside*. Di samping itu, Perbadanan telah menyatakan hasrat kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengambil alih banglo-banglo tersebut bagi tujuan pembangunan.**

Pada pendapat Audit, pembangunan banglo-banglo perlu disegerakan untuk memberi maklumat yang tepat kepada pelancong dan ia dapat menarik lebih ramai pelancong ke Bukit Bendera.

2.4.2.2. Laman Sesawang Tidak Dikemas Kini

- a. Laman sesawang Perbadanan dibangunkan untuk orang ramai berinteraksi dengan pihak Perbadanan secara atas talian. Selain itu aktiviti Perbadanan akan dipaparkan di laman berkenaan. Semakan Audit mendapati sejumlah RM23,962 telah dibelanjakan untuk membina, menaik taraf dan menyenggara laman sesawang www.penanghill.gov.my. Laman sesawang dikemas kini secara berjadual pada setiap hujung bulan manakala sebarang maklumat penting akan disiarkan dengan segera. Tinjauan Audit ke laman sesawang berkenaan dalam versi Bahasa Inggeris mendapati perkara berikut:
- i. Laman sesawang boleh dicapai dan antara menu utama yang terkandung ialah maklumat mengenai tiket kereta api, acara, aktiviti dan cara untuk ke Bukit Bendera seperti di **Gambar 2.5**. Bagaimanapun maklumat mengenai acara yang dipaparkan pada menu *Home* tidak dikemaskinikan. Tarikh bagi 4 acara yang dipaparkan telah berakhir sedangkan terdapat 4 acara lain iaitu *Indian Cultural Weekend @ Penang Hill*, *School Holiday Programs @ Penang Hill*, *Christmas Fun @ Penang Hill* dan *New Year Countdown @ Penang Hill* yang dirancang oleh Bahagian Promosi Dan Pemasaran bagi bulan November hingga Disember 2013 tidak dipaparkan.



Gambar 2.5
Menu Utama Dan Acara Yang Terdapat Pada Menu Home

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laman Sesawang
www.penanghill.gov.my
Tarikh: 8 November 2013

- ii. Menu *Happenings* memaparkan maklumat mengenai 18 acara dan aktiviti iaitu 2 acara pada tahun 2011, 9 acara pada tahun 2012 dan 7 acara pada tahun 2013. Bagaimanapun terdapat 8 acara dan aktiviti lain telah dilaksanakan pada tahun 2013 tetapi tidak dipaparkan seperti di **Jadual 2.3**. Antara maklumat mengenai acara yang dipaparkan dalam laman sesawang seperti di **Gambar 2.6** hingga **Gambar 2.9**. Manakala Menu *What's At Penang* turut memaparkan perniagaan yang diusahakan oleh individu atau syarikat lain iaitu *Owl Museum*, *Cliff Cafe*, *Monkey Cup*, *David Browns Restaurant & Tea Terrace* dan *Hotel Bellevue & Aviary Ginger Garden*.

Jadual 2.3
Senarai Acara Dan Aktiviti Yang Dilaksanakan Tetapi Tidak Dipaparkan Dalam Laman Sesawang

Bil.	Nama Acara Dan Aktiviti	Tarikh Dilaksanakan
1.	Happy Birthday Blue Coach @ Penang Hill	24 April 2013
2.	Modern Dance @ Penang Hill	27 April 2013
3.	Fun With Reptiles @ Penang Hill	1-2 Jun 2013
4.	Malay Cultural Weekend @ Penang Hill	17 Ogos 2013
5.	Pesta Tanglung @ Bukit Bendera	14 September 2013
6.	Sambutan Hari Malaysia @ Bukit Bendera	16 September 2013
7.	Mother's Day Fun @ Penang Hill	12 Mei 2013
8.	Persembahan Badut, Silap Mata Dan Nyanyian Jalanan	10-18 Ogos 2013


Sumber: Perbadanan Bukit Bendera

Gambar 2.6
Makluman Mengenai Acara Halloween @ Penang Hill Pada 26 Oktober 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Laman Sesawang
www.penanghill.gov.my
 Tarikh: 8 November 2013

Gambar 2.7
Makluman Mengenai Acara Valentine's Day Pada 14 Februari 2013




Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Laman Sesawang
www.penanghill.gov.my
 Tarikh: 8 November 2013

Gambar 2.8
Makluman Mengenai Program Cahaya Bulan Pada 24 November 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Laman Sesawang
www.penanghill.gov.my
 Tarikh: 8 November 2013

Gambar 2.9
Makluman Mengenai Fire Shows Dari 6 Hingga 27 Oktober 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Laman Sesawang
www.penanghill.gov.my
 Tarikh: 8 November 2013

- iii. **Berdasarkan maklum balas Perbadanan bertarikh 21 Mac 2014, laman sesawang Perbadanan dikendalikan oleh sebuah syarikat. Bagaimanapun Perbadanan mendapati syarikat tersebut tidak memberi perkhidmatan yang memuaskan. Mulai bulan Disember 2013, Perbadanan telah melantik Pegawai Teknologi Maklumat untuk mengendali dan mengemas kini laman sesawang.**

Pada pendapat Audit, maklumat di laman sesawang perlu dikemas kini supaya ia dapat memberi maklumat terkini kepada pelancong.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan program pelancongan Bukit Bendera di Pulau Pinang dapat dipertingkatkan adalah disyorkan Perbadanan mengambil tindakan penambahbaikan dengan memastikan maklumat yang terdapat dalam risalah pelancongan adalah tepat dan laman sesawang sentiasa dikemas kini supaya dapat memberi maklumat terkini.

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

3. PENGURUSAN PEROLEHAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Majlis Perbandaran Seberang Perai (Majlis) ditubuhkan menurut kuasa yang diberikan oleh Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Kawasan pentadbiran Majlis meliputi semua kawasan Seberang Perai yang terdiri daripada Daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan dengan keluasan 738 kilometer persegi. Majlis ditadbir oleh Yang Dipertua (YDP) selaku ketua eksekutif dan 24 orang Ahli Majlis.

3.1.2. Badan pengurusan Majlis terdiri daripada 16 jabatan yang diketuai oleh Setiausaha Perbandaran selaku Ketua Pentadbiran dengan dibantu oleh Pengarah Jabatan masing-masing. Semua pengurusan adalah di bawah pengawalan YDP dengan dibantu oleh Setiausaha Perbandaran yang seterusnya menjalankan penyelarasan ke atas jabatan-jabatan. Bahagian Perolehan di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan telah dipertanggungjawabkan oleh Majlis sebagai urus setia perolehan.

3.1.3. Tatacara Perolehan Majlis adalah tertakluk kepada Perintah Tetap 1996, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan kerja dan bekalan yang dilaksanakan sama ada melalui perolehan secara pembelian terus, rundingan terus, undi, sebut harga dan tender. Pada tahun 2011 hingga September 2013, Majlis telah melaksanakan sebanyak 14,695 perolehan kerja dan bekalan melibatkan sejumlah RM238.45 juta dengan menggunakan peruntukan Majlis, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Bilangan Perolehan Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Kaedah Perolehan	Bilangan Perolehan			Jumlah Bilangan	Jumlah (RM Juta)
	Majlis	Negeri	Persekutuan		
Pembelian Terus	12,669	60	27	12,756	76.33
Rundingan Terus	59	20	4	83	3.18
Undi	1,066	417	-	1,483	29.38
Sebut Harga	137	31	56	224	30.23
Tender	39	105	5	149	99.33
Jumlah	13,970	633	92	14,695	238.45

Sumber: Majlis Perbandaran Seberang Perai

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan perolehan di Majlis telah dirancang dan diuruskan dengan teratur, cekap, ekonomi dan mematuhi peraturan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan pengurusan perolehan meliputi tahun 2011 hingga 2013 di Majlis Perbandaran Seberang Perai. Pengauditan meliputi pengurusan perolehan yang dibiayai daripada peruntukan Majlis, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak 410 rekod dan dokumen berkaitan serta membuat analisis terhadap data. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang terlibat telah dijalankan bagi mendapatkan maklum balas terhadap aktiviti perolehan yang dilaksanakan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pada keseluruhannya pengauditan yang dijalankan dari bulan Julai hingga Oktober 2013 mendapati tahap pengurusan perolehan Majlis adalah memuaskan dari segi proses pengiklanan, penawaran kerja dan jawatankuasa yang dilantik. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan seperti berikut:

- Dokumen kontrak lewat ditandatangani.
- Bayaran kemajuan dibuat sebelum perjanjian kontrak ditandatangani.
- Projek tidak disiapkan mengikut tempoh.
- Bekalan lewat dibekalkan.
- Kerja-kerja dibuat tidak mengikut syarat dan kualiti yang ditetapkan.

3.4.1. Dokumen Kontrak Lewat Ditandatangani

3.4.1.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Semakan Audit terhadap perolehan yang dibuat mendapati sebanyak 37 kontrak berjumlah RM11.81 juta lewat ditandatangani antara 1 dan 13 bulan seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Analisis Kontrak Lewat Ditandatangani

Tempoh Kelewatan (Bulan)	Bilangan Kontrak	Nilai Kontrak (RM Juta)
1 – 4	17	4.90
5 – 8	15	6.47
9 - 13	5	0.44
Jumlah	37	11.81

Sumber: Majlis Perbandaran Seberang Perai

3.4.1.2. Semakan lanjut mendapati antara sebab-sebab kelewatan adalah terdapat pindaan dalam dokumen kontrak dan Jabatan yang terlibat lewat menyediakan dokumen kontrak untuk ditandatangani.

3.4.1.3. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 6 Mac 2014, dokumen kontrak kerja, perkhidmatan dan bekalan lewat ditandatangani kerana perjanjian kontrak perlu melalui beberapa peringkat semakan oleh Jabatan Undang-undang, kontraktor lewat mengemukakan Surat Setuju Terima, bon pelaksanaan, insurans dan dokumen-dokumen lain yang diwajibkan mengikut jenis kontrak. Manakala bagi Dokumen Kontrak Bekalan Peralatan Keselamatan lewat ditandatangani kerana terdapat pertukaran spesifikasi dan kuantiti peralatan keselamatan. Pertukaran ini dibuat atas nasihat Pegawai Keselamatan Majlis setelah berunding dengan pekerja. Semasa rundingan, pekerja telah mengemukakan maklum balas iaitu peralatan keselamatan yang akan dibekalkan, tidak memenuhi aspek keselesaan. Jawatankuasa Spesifikasi yang ditubuhkan ini adalah kali pertama menyediakan spesifikasi di bawah pensijilan OHSAS 18001 2007 (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan). Bagi Dokumen kontrak kerja lewat ditandatangani kerana semasa projek dijalankan, banyak perubahan yang dibuat dari skop asal tender. Skop kerja baru yang dilaksanakan di tapak mengikut maklum balas peniaga-peniaga. Oleh itu, dokumen perubahan (VO), pelarasan harga kontrak termasuk penyediaan lukisan baru perlu disediakan terlebih dahulu sebelum perjanjian dimuktamadkan. Majlis telah membangunkan Sistem Kontrak & Bekalan yang mula diguna pakai dalam bulan Oktober 2013 yang akan memberi peringatan secara berkala bagi semua kontrak/tender yang belum ditandatangani. Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan bertarikh 3 Mac 2014 telah memutuskan bahawa semua syarikat yang ditawarkan kerja, perkhidmatan dan bekalan hendaklah mengemukakan dokumen wajib dalam tempoh yang ditetapkan. Kegagalan mengemukakan dokumen wajib tersebut membolehkan MPSP mengambil tindakan membatalkan tawaran tersebut.

3.4.2. Bayaran Kemajuan Dibuat Sebelum Perjanjian Kontrak Ditandatangani

3.4.2.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8/1990 menyatakan bayaran kemajuan untuk kontrak kerja boleh dibuat tidak lebih dari 3 kali dalam tempoh 4 bulan pertama selepas keluarnya Surat Setuju Terima tawaran dan sebelum kontrak ditandatangani secara rasmi. Bayaran kemajuan yang seterusnya hanya dibuat selepas perjanjian kontrak yang rasmi ditandatangani. Semakan Audit mendapati bayaran kemajuan keempat dan kelima bagi 2 projek Naik Taraf Pasar Awam Sama Gagah dan Sri Bandar telah dibuat sebelum kontrak ditandatangani. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.3.**

Jadual 3.3
Bayaran Kemajuan Dibuat Sebelum Kontrak Ditandatangani

Projek Naik Taraf Pasar Awam	Tarikh Tandatangani Kontrak	Bayaran Kemajuan	Nombor Dan Tarikh Baucar	Jumlah (RM)
Sama Gagah	31/05/2013	Keempat	V0001417 26/02/2013	98,208
		Kelima	V0003119 01/04/2013	142,101
Sri Bandar	27/05/2013	Keempat	V0001415 26/02/2013	11,923
		Kelima	V0001416 26/02/2013	85,415

Sumber: Majlis Perbandaran Seberang Perai

3.4.2.2. Perkara ini berlaku kerana dokumen kontrak ditandatangani melebihi tempoh 4 bulan dan permintaan daripada kontraktor untuk proses pembayaran bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan. Ini memberi risiko kepada Majlis sekiranya projek tersebut bermasalah dan gagal disiapkan sebelum perjanjian kontrak ditandatangani.

3.4.2.3. **Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 6 Mac 2014, Majlis mengambil maklum berhubung bayaran kontrak dibuat tidak lebih dari 3 kali atau dalam tempoh 4 bulan pertama selepas keluarnya Surat Setuju Terima tawaran dan sebelum kontrak ditandatangani secara rasmi. Walau bagaimanapun, dokumen kontrak kerja lewat ditandatangani kerana semasa projek dijalankan, banyak perubahan yang dibuat dari skop asal tender. Skop kerja baru yang dilaksanakan di tapak mengikut maklum balas peniaga-peniaga. Oleh itu, dokumen perubahan (VO), pelarasan harga kontrak termasuk penyediaan lukisan baru perlu disediakan terlebih dahulu sebelum perjanjian dimuktamadkan. Majlis perlu membuat pembayaran ke atas kerja-kerja yang telah dilaksanakan bagi memastikan kelancaran kerja di tapak. Majlis bersetuju hal ini tidak boleh dijadikan *precedent* untuk bayaran yang akan datang. Kelewatan menyediakan perjanjian yang disebabkan oleh perubahan kerja tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk membuat pembayaran.**

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan adalah kurang memuaskan kerana peraturan yang berkuat kuasa tidak dipatuhi sepenuhnya.

3.4.3. Projek Tidak Disiapkan Mengikut Tempoh

3.4.3.1. Sesuatu projek yang dilaksanakan hendaklah disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan supaya objektif projek tercapai. Projek Naik Taraf Pasar Awam Sri Bandar telah dilaksanakan oleh Majlis dengan kontrak bernilai RM1.89 juta dan perlu disiapkan pada 4 Februari 2013. Mengikut lanjutan masa (EOT) kedua, projek tersebut perlu disiapkan pada 2 September 2013 dan tiada lanjutan masa ketiga diluluskan. Bagaimanapun sehingga tarikh lawatan Audit pada 30 September 2013, projek ini masih belum disiapkan seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.3**.

Gambar 3.1
Pintu Masuk Pasar Belum Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Sri Bandar,
Daerah Seberang Perai Utara
Tarikh: 30 September 2013

Gambar 3.2
Jubin Meja Peniaga Pasar Belum Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Sri Bandar,
Daerah Seberang Perai Utara
Tarikh: 30 September 2013



Gambar 3.3
Pekerja Kontraktor Sedang Memasang Jubin Lantai Pasar

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Sri Bandar,
Daerah Seberang Perai Utara
Tarikh: 30 September 2013

3.4.3.2. Mengikut anggaran siap projek berdasarkan tarikh patut siap iaitu pada 2 September 2013, peratusan siap sepatutnya dalam lingkungan 90%. Bagaimanapun, berdasarkan bayaran kemajuan kedua belas bertarikh 30 Ogos 2013 didapati bayaran berjumlah RM803,597 atau 42.4% daripada nilai kontrak telah dijelaskan kepada kontraktor. Kelewatan menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan adalah kerana terdapat pindaan terhadap skop asal kontrak melibatkan 11 perubahan kerja. Selain itu, terdapat pindaan di peringkat akhir semasa kerja-kerja dijalankan menyebabkan kerja pembinaan menjadi tidak efisien dan tidak dapat dijalankan secara menyeluruh. Seterusnya semakan lanjut mendapati kontraktor tersebut juga mempunyai bebanan kerja lain semasa projek ini dinilai untuk kertas perakuan penilaian tawaran yang menyumbang kepada kelewatan projek yang sepatutnya disiapkan pada bulan Februari 2013. Ini memberi ketidakselesaan kepada peniaga dan pembeli serta pengguna juga tidak dapat menikmati kemudahan yang sepatutnya diperoleh.

3.4.3.3. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 6 Mac 2014, kelewatan menyiapkan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan adalah kerana faktor berikut:

- a. Perpindahan peniaga dari pasar ke tapak sementara mengambil masa 4 bulan.
- b. Tuntutan peniaga memerlukan pindaan kepada pelan asal menyebabkan berlakunya kelewatan bagi pembinaan pasar utama.
- c. Masalah kontraktor, sub-kontraktor dan pembekal telah menyebabkan kelewatan kemajuan kerja di tapak.
- d. Masalah sesalur utiliti TNB dan PBA di tapak kerja yang perlu dialihkan mengambil masa yang panjang.
- e. Pindaan lukisan untuk kerja pembinaan parit perlu diubah disebabkan halangan sesalur TNB dan Telekom.

Majlis mengesyorkan kontraktor ini untuk pertimbangan Lembaga Perolehan Negeri Pulau Pinang kerana mempunyai rekod prestasi kerja yang cemerlang dengan Jabatan Kerja Raya dan kedudukan kewangan yang kukuh. Majlis yakin bahawa kontraktor tersebut mampu melaksanakan projek jika ditawarkan.

3.4.4. Bekalan Lewat Dibekalkan

3.4.4.1. Perolehan hendaklah dibekalkan mengikut tempoh yang ditetapkan supaya matlamat perolehan tercapai. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Peralatan Keselamatan Dan Pakaian Seragam

- i. Perenggan 5 Dokumen Perjanjian Peralatan Keselamatan menyatakan denda RM50 sehari akan dikenakan sekiranya bekalan lewat dibekalkan. Analisis ke atas penerimaan bekalan peralatan keselamatan dan pakaian seragam mendapati 1 pembekal peralatan keselamatan dan 4 pembekal pakaian seragam lewat membekalkan bekalan antara 26 dan 169 hari seperti di **Jadual 3.4**. Penalti yang dianggarkan berjumlah RM6,200 bagi kelewatan bekalan peralatan keselamatan juga tidak dikenakan kepada pembekal kerana Majlis telah memberi kelulusan lanjutan masa.

Jadual 3.4
Peralatan Keselamatan Dan Pakaian Seragam Lewat Dibekalkan

Bil.	Bekalan	Pembekal	Tarikh Patut Bekal	Tarikh Penerimaan Barang	Kelewatan (Hari)
1.	Peralatan Keselamatan	Renzo Ventures Sdn.Bhd.	07/02/2013	11/06/2013	124
2.	Pakaian Seragam	Amity Innovation Sdn. Bhd.	28/06/2011	13/12/2011	169
3.		Johnson Shoes Sdn. Bhd.	15/06/2012	10/07/2012	26
4.		V-Corner Tailoring Centre	10/09/2012	19/10/2012	40
5.		V-Corner Tailoring Centre	15/04/2013	30/05/2013	46

Sumber: Majlis Perbandaran Seberang Perai

- ii. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 6 Mac 2014, kelewatan adalah disebabkan oleh pertukaran spesifikasi peralatan keselamatan bagi memenuhi kehendak keselamatan dan keselesaan pengguna. Lanjutan masa telah diberikan kepada pembekal susulan daripada pertukaran spesifikasi oleh pihak Majlis. Oleh itu denda lewat tidak dikenakan. Manakala bekalan pakaian seragam lewat dibekalkan disebabkan kelewatan mendapat ukuran daripada pekerja terutama yang berada di luar pejabat.

b. Peralatan Pejabat

- i. Pesanan Tempatan Majlis telah menetapkan tarikh pembekalan peralatan pejabat dan hendaklah dibekalkan mengikut tempoh yang dinyatakan dalam pesanan tersebut. Semakan mendapati pembekal lewat membekalkan peralatan pejabat antara 16 dan 37 hari sehingga melampaui tahun kewangan semasa seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Peralatan Pejabat Lewat Dibekalkan

Bil.	Bekalan	Pembekal	Tarikh Patut Bekal	Tarikh Penerimaan Barang	Kelewatan (Hari)
1.	Peralatan Pejabat	Dsop Office System & Supplies Sdn. Bhd.	15/11/2011	22/12/2011	37
2.		Dsop Office System & Supplies Sdn. Bhd.	16/12/2011	04/01/2012	20
3.		Dsop Office System & Supplies Sdn. Bhd.	20/09/2011	04/01/2012	16

Sumber: Majlis Perbandaran Seberang Perai

- ii. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 6 Mac 2014, pihak syarikat akan membuat tempahan ke atas barangan yang diperlukan oleh Majlis setelah Pesanan Tempatan dikeluarkan. Oleh itu, bagi peralatan pejabat yang memerlukan tempahan khas seperti kerusi dan meja *partition/workstation*, ianya mengambil masa untuk disiapkan sebelum dibekalkan kepada Majlis. Di Majlis, kedudukan meja/set *partition* di setiap Jabatan adalah berlainan kedudukan dan ianya berdasarkan keperluan di Jabatan serta tempahan peralatan pejabat berkenaan perlu mendapat persetujuan kedudukan oleh Pengarah Jabatan berkenaan terlebih dahulu. Set meja dan kerusi adalah bukan dikategori sebagai *ready made* dan ianya memerlukan sedikit masa bagi menyiapkan dan membekal peralatan pejabat berkenaan.

c. Peralatan ICT

- i. Semakan Audit mendapati sebanyak 14 pembekal peralatan ICT lewat membekalkan peralatan antara 8 dan 150 hari seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Peralatan ICT Lewat Dibekalkan

Bil.	Jenis Peralatan ICT	Pembekal	Tarikh Patut Bekal	Tarikh Penerimaan Barang	Kelewatan (Hari)
1.	Komputer	Dell Sales Malaysia Sdn. Bhd.	20/12/2011	29/12/2011	9
2.		KPTC Technologies Sdn. Bhd.	16/06/2013	04/10/2013	110
3.		Sejati Solutions Sdn. Bhd.	30/06/2013	10/07/2013	10
4.	Pencetak	eSmart Solutions	29/03/2011	15/04/2011	17
5.		eSmart Solutions	29/07/2011	15/08/2011	17
6.		Valtek Sdn. Bhd.	23/05/2011	31/05/2011	8
7.		eSmart Solutions	27/01/2012	21/02/2012	25
8.		eSmart Solutions	26/03/2012	18/04/2012	23
9.		eSmart Solutions	17/07/2012	30/07/2012	13
10.		H Three A Print Sdn. Bhd.	13/05/2013	10/10/2013	150
11.	Server	CSC Malaysia Sdn. Bhd.	22/08/2012	15/10/2012	54
12.		CSC Malaysia Sdn. Bhd.	23/08/2012	15/10/2012	53
13.		eSmart Solutions	22/02/2012	08/03/2012	15
14.		Wisecore Technology Sdn. Bhd.	29/05/2013	31/07/2013	63

Sumber: Majlis Perbandaran Seberang Perai

- ii. **Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 6 Mac 2014, kelewatan pembekalan peralatan ICT disebabkan ketiadaan stok sedia ada. Majlis mewujudkan Daftar Rekod Pembelian Peralatan bagi tujuan pemantauan. Bekalan peralatan ICT bil. 10 di Jadual 7 telah dibatalkan pada 18 Disember 2013. Sebagai langkah penambahbaikan, Pekeliling Setiausaha Perbandaran Bil. 2/2014 bertarikh 3 Mac 2014 telah dikeluarkan yang menggariskan bahawa buku pendaftaran perlu disediakan bagi memudahkan pemantauan mengenai pembelian bekalan. Jika berlaku kelewatan bekalan, jabatan boleh mengambil tindakan seperti mengeluarkan surat peringatan dan mengenakan denda lewat jika alasan yang dikemukakan tidak dipertimbangkan oleh Majlis atau Pesanan Tempatan dibatalkan.**

Pada pendapat Audit, kawalan perolehan perlulah dipertingkatkan bagi memastikan projek disiapkan mengikut tempoh.

3.4.5. Kerja-kerja Dibuat Tidak Mengikut Syarat Dan Kualiti

3.4.5.1. Pembekalan hendaklah dilakukan mengikut syarat dan kualiti yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak. Semakan mendapati perkara berikut:

- a. Majlis telah menawarkan kontrak pembersihan pasar awam pada tahun 2011 dan kompleks makanan pada tahun 2012 secara sebut harga kepada kontraktor mengikut

kawasan. Kerja yang dilaksanakan hendaklah mengikut syarat yang ditetapkan dalam dokumen perjanjian iaitu menyapu, mop dan membasuh semua jenis permukaan lantai, mencuci semua parit-parit konkrit sehingga ke tempat limpah keluar (outfall) serta mencuci tandas dan semua tempat membasuh tangan. Lawatan Audit ke 11 lokasi mendapati kualiti kerja pembersihan di 1 pasar awam dan 2 kompleks makanan adalah kurang memuaskan seperti di **Gambar 3.4** hingga **Gambar 3.8**.

Gambar 3.4
Lantai Pasar Awam Yang Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Chai Leng Park,
Daerah Seberang Perai Tengah
Tarikh: 24 September 2013

Gambar 3.5
Lantai Pasar Awam Yang Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Chai Leng Park,
Daerah Seberang Perai Tengah
Tarikh: 24 September 2013

Gambar 3.6
Longkang Pasar Awam Yang Dipenuhi Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Chai Leng Park,
Daerah Seberang Perai Tengah
Tarikh: 24 September 2013

Gambar 3.7
Longkang Di Kompleks Makanan Tersumbat Dan Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Desa Murni,
Daerah Seberang Perai Utara
Tarikh: 30 September 2013



Gambar 3.8
Tandas Di Kompleks Makanan
Tidak Dibersihkan Dan Berkunci

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Taman Desa Murni,
 Daerah Seberang Perai Utara
 Tarikh: 30 September 2013

3.4.5.2. Semakan lanjut mendapati keadaan ini berlaku kerana kurangnya penyeliaan oleh pegawai yang bertanggungjawab terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor dan kurangnya kolaborasi antara Jabatan Perbandaran dan Jabatan Pelesenan berkaitan tugas di kompleks makanan dan pasar awam. Ini menyebabkan Majlis telah membuat bayaran bagi kerja-kerja yang kurang memuaskan oleh kontraktor.

3.4.5.3. **Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 6 Mac 2014, kontraktor perlu melaksanakan kerja-kerja mengikut perjanjian. Berdasarkan Gambar 3.4 hingga 3.7 didapati kontraktor gagal melaksanakan kerja di lokasi tersebut. Antara tindakan keras yang telah diambil oleh Jabatan ialah membuat potongan bayaran pada setiap bulan. Selain itu, kerja-kerja ini dipantau oleh Merinyu Lesen berdasarkan Borang Pemantauan dan amaran keras secara lisan turut diberikan. Majlis menghadapi kekangan kakitangan bagi pemantauan, oleh itu Majlis telah mengatur perancangan untuk bekerjasama dengan Persatuan Peniaga bagi membantu melakukan pemantauan. Majlis akan membuat pelan persempadanan tugas kontraktor pasar supaya kawasan yang dipertanggungjawabkan adalah jelas.**

Pada pendapat Audit, kualiti kerja tidak memuaskan kerana tidak dibuat mengikut syarat kontrak.

3.4.6. Analisis Soal Selidik Kepuasan Pengguna Pakaian Seragam Dan Kasut

3.4.6.1. PP Bil. 7/1990 mengenai peraturan bekalan pakaian seragam dan kasut menyatakan jumlah pakaian seragam yang dibekalkan adalah berdasarkan bidang tugas jawatan berkenaan dan bekalan hendaklah dibuat sebelum akhir bulan April setiap tahun. Manakala Perintah Tetap Majlis perenggan 34 menetapkan YDP boleh menimbang dan meluluskan perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja yang nilainya melebihi RM50,000 bagi tiap-tiap satu jenis item atau kelas jenis item yang hanya dibekalkan oleh seorang pembekal atau agen tunggal.

3.4.6.2. Sejumlah 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada kakitangan Majlis bagi setiap jabatan yang terlibat dalam pengagihan pakaian seragam dan kasut. Daripada jumlah tersebut, 72 kakitangan telah mengembalikan borang soal selidik. Tujuan soal


selidik diadakan adalah untuk mendapatkan maklum balas mengenai kepuasan kakitangan Majlis terhadap pembekalan pakaian seragam oleh Syarikat V-Corner Tailoring Center dan Syarikat Ideal Uniform Sdn. Bhd. serta pembekalan kasut pejabat oleh Syarikat Johnson Shoes Sdn. Bhd. dan Syarikat Eke Century Sdn. Bhd..

3.4.6.3. Maklum balas mengenai pakaian seragam daripada 54 kakitangan dari 5 jabatan iaitu Direktorat, Pengurusan, Perbandaran, Undang-undang dan Landskap mendapati seramai 41 atau 76% kakitangan kurang berpuas hati berbanding 13 atau 24% kakitangan yang berpuas hati atas kualiti kain yang dibekalkan oleh Syarikat V-Corner Tailoring Center. Analisis mendapati kakitangan kurang berpuas hati kerana ukuran pakaian yang diambil kurang tepat, pembekal tidak mengendahkan aduan daripada kakitangan serta kain kurang berkualiti dari segi warna yang cepat lusuh dan tidak tahan lasak. Selain itu, bekalan yang diterima lewat di antara 3 dan 6 bulan daripada tarikh ukuran dibuat.


3.4.6.4. Lapan belas borang soal selidik juga diterima daripada Jabatan Pengurusan dan Perbendaharaan mengenai prestasi pembekal pakaian pejabat oleh Syarikat Ideal Uniform Sdn. Bhd. dan mendapati 16 atau 89% kakitangan kurang berpuas hati berbanding 2 atau 11% kakitangan yang berpuas hati atas perkhidmatan membekal pakaian seragam. Antara yang menyumbang kepada ketidakpuasan kakitangan adalah faktor bekalan pakaian seragam yang tidak disiapkan dalam tempoh yang sepatutnya.

3.4.6.5. Seterusnya maklum balas mengenai kualiti kasut yang dibekalkan kepada kakitangan Majlis mendapati 42 daripada 56 (75%) kakitangan telah berpuas hati terhadap kualiti kasut yang dibekalkan oleh Syarikat Johnson Shoes Sdn. Bhd. berbanding 14 atau 25% kakitangan yang kurang berpuas hati.

3.4.6.6. Sebelas borang soal selidik juga diterima daripada Jabatan Pengurusan bagi bekalan kasut keselamatan oleh Syarikat Eke Century Sdn. Bhd.. Seramai 8 atau 73% kakitangan kurang berpuas hati di atas kualiti kasut yang dibekalkan berbanding 3 atau 27% kakitangan yang berpuas hati. Analisis Audit terhadap kepuasan kakitangan mengenai bekalan pakaian seragam dan kasut adalah seperti di **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.



Sumber: Borang Soal Selidik Kakitangan Majlis



Sumber: Borang Soal Selidik Kakitangan Majlis

3.4.6.1. Secara keseluruhannya prestasi 2 pembekal pakaian seragam adalah kurang memuaskan disebabkan oleh kualiti kain, ukuran yang diterima berbeza dan pembekal tidak mengendahkan aduan daripada kakitangan Majlis selain kelewatan penerimaan bekalan di antara 3 dan 6 bulan. Sementara itu, prestasi pembekalan kasut menunjukkan kualiti kasut yang dibekalkan oleh Syarikat Johnson Shoes Sdn. Bhd. adalah di tahap memuaskan berbanding kualiti kasut yang dibekalkan oleh Syarikat Ehe Century Sdn. Bhd..

3.4.6.2. **Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 6 Mac 2014, Majlis mengambil maklum mengenai maklum balas kakitangan mengenai bekalan pakaian seragam. Di samping itu Majlis sentiasa membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa. Pada tahun 2013, Majlis telah mengadakan 4 kali perjumpaan dengan pihak Majlis Bersama Jabatan. Pada tahun 2014 pula, Majlis telah menetapkan untuk membuat perjumpaan dengan pihak pekerja bagi berbincang kaedah pembekalan pakaian seragam untuk pelaksanaan di masa depan.**

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam adalah disyorkan Majlis mempertimbangkan perkara berikut:

3.5.1. Memastikan proses perolehan sentiasa dibuat dengan teratur dan mematuhi prinsip perolehan Kerajaan serta dapat dimanfaatkan oleh pengguna dan mencapai objektif yang disasarkan.

3.5.2. Sentiasa memantau dan memberikan pengawasan yang rapi terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan ianya mengikut syarat dan kualiti yang ditetapkan.

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

4. PDC CONSULTANCY SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. PDC Consultancy Sdn. Bhd. (PDCC) merupakan sebuah anak syarikat milik penuh PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. (PDCPH) di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan telah diperbadankan pada 15 Januari 2004. PDCC telah mengambil alih aset, liabiliti dan perniagaan tiga buah syarikat PDCPH iaitu PDC AR&T Total Project Management Sdn. Bhd., PDC Technical Services Sdn. Bhd. dan DCT Consultancy Services Sdn. Bhd.. PDCC mula beroperasi pada bulan April 2004 dengan modal dibenarkan sejumlah RM5,000,000 dan modal berbayar sejumlah RM2,500,001. PDCC dianggotai oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah.

4.1.2. Visi PDCC adalah untuk menyediakan perkhidmatan perunding dalam pelbagai bidang. Manakala misi PDCC adalah untuk memberikan perkhidmatan perunding secara profesional dengan penuh integriti. Objektif PDCC adalah untuk menyediakan perkhidmatan perunding yang berkualiti dan berdaya saing.

4.1.3. Aktiviti utama PDCC adalah menyediakan perkhidmatan perunding yang merangkumi kerja seni bina, kejuruteraan, ukur bahan dan juga pengurusan projek.

4.1.4. Pengauditan terhadap Syarikat yang sama pernah dijalankan pada tahun 2010. Antara penemuan yang dibangkitkan ialah dari segi tunggakan yuran profesional, tunggakan hutang perniagaan, hutang pelbagai dan hutang terakru oleh anak syarikat yang belum dikutip.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menilai prestasi kewangan syarikat, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat yang dilaksanakan adalah teratur dan mencapai objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, dan tadbir urus korporat. Semakan dilakukan terhadap Memorandum Dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965 (Akta 125), minit mesyuarat Lembaga Pengarah, fail, rekod serta dokumen yang berkaitan dengan pengurusan PDCC bagi tahun 2011 hingga 2013. Analisis kewangan dilaksanakan terhadap penyata kewangan Syarikat bagi tempoh 2010 hingga 2012 untuk menilai prestasi kewangan Syarikat. Selain itu, temu bual dan perbincangan turut

diadakan dengan pegawai PDCC serta Setiausaha Syarikat. Lawatan juga telah dibuat ke 7 tapak projek PDCC.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai dan Oktober 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan PDCC dari segi prestasi kewangan dan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Namun pengurusan aktiviti perlu dipertingkatkan kerana:

- Kerja pembinaan dimulakan sebelum mendapat kelulusan Pihak Berkuasa bagi projek *Flyover* Merintang Jambatan Kedua di Batu Kawan dan Projek Quartermile. Manakala bagi Projek Ixora PDCC telah dikenakan kompaun kerana membina tempat letak kereta berbumbung sebelum pindaan pelan binaan diluluskan.
- Kelewatan menyiapkan 2 projek antara 96 dan 234 hari.
- Arahan Perubahan Kerja (VO) tidak mengikut skop kontrak.
- Pembinaan kolam perangkap mendap (*sedimentation pond*) bagi projek Tempat Letak Kereta di Jalan Bukit Bendera tidak mengikut lukisan pelan.
- Bayaran kepada juru perunding berjumlah RM2.37 juta belum dijelaskan bagi tempoh antara 1,582 dan 2,163 hari.

4.4.1. Prestasi Kewangan

4.4.1.1. Analisis Trend

Semakan Audit mendapati kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung sebelum cukai PDCC telah meningkat pada setiap tahun seperti di **Jadual 4.1**. Trend untung sebelum cukai dan trend pendapatan serta perbelanjaan PDCC adalah seperti di **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun		
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Pendapatan	4,676,069	6,569,314	13,317,907
Kos Perkhidmatan	(2,671,130)	(4,161,903)	(8,170,528)
Untung Kasar	2,004,939	2,407,411	5,147,379
Pendapatan Lain	1,152,190	576,483	559,380
Perbelanjaan Pentadbiran	(1,341,624)	(1,459,313)	(1,615,858)
Perbelanjaan Lain	(115,596)	(19,086)	(24,089)
Untung Operasi Sebelum Cukai	1,699,909	1,505,495	4,066,812
Kos Kewangan	(321,384)	-	-
Untung Sebelum Cukai	1,378,525	1,505,495	4,066,812
Cukai	(144,337)	(395,499)	(1,055,298)
Untung Bersih	1,264,188	1,109,996	3,011,514
Untung Bersih Terkumpul	5,581,967	6,361,961	8,960,973

Sumber: Penyata Kewangan PDC Consultancy Sdn. Bhd.



Sumber: Penyata Kewangan PDC Consultancy Sdn. Bhd.



Sumber: Penyata Kewangan PDC Consultancy Sdn. Bhd.

- a. Pada tahun 2012, PDCC telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM4.07 juta berbanding RM1.51 juta pada tahun 2011 dan RM1.38 juta pada tahun 2010. Peningkatan keuntungan yang ketara pada tahun 2012 sebanyak RM2.56 juta atau 169.5% dari tahun sebelumnya disebabkan oleh peningkatan pendapatan Syarikat.
- b. Bagi tahun 2010 pendapatan PDCC adalah berjumlah RM5.83 juta. Jumlah ini telah meningkat kepada RM7.15 juta pada tahun 2011 dan RM13.88 juta pada tahun 2012. Peningkatan jumlah pendapatan yang ketara pada tahun 2012 adalah disebabkan oleh peningkatan yuran perkhidmatan perunding yang mencatatkan peningkatan sejumlah RM6.79 juta atau 112.3% berbanding tahun sebelumnya. PDCC memperoleh pendapatan dari 39 projek pada tahun 2011 dan meningkat kepada 82 projek pada tahun 2012.
- c. Perbelanjaan utama PDCC meliputi kos perkhidmatan seperti yuran profesional kepada perunding luar yang dilantik (*Associate*) dan emolumen kakitangan teknikal. Perbelanjaan tersebut menunjukkan peningkatan pada setiap tahun iaitu RM2.67 juta pada tahun 2010 kepada RM4.16 juta pada tahun 2011 dan RM8.17 juta pada tahun 2012. Selain perbelanjaan utama, perbelanjaan pentadbiran turut meningkat kepada RM1.62 juta pada tahun 2012 berbanding RM1.46 juta pada tahun 2011 dan RM1.34 juta pada tahun 2010. Peningkatan utama perbelanjaan adalah kerana pertambahan bayaran emolumen, utiliti dan kos insurans perubatan kakitangan serta perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan adalah baik kerana keuntungan terkumpul PDCC menunjukkan peningkatan pada setiap tahun.

4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PDCC dengan lebih jelas, analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Hasil analisis adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Analisis Nisbah Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012

Nisbah Kewangan	Tahun		
	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	30.3:1	21.9:1	3:1
Margin Untung Bersih	23.7%	21.1%	29.3%
Pulangan Atas Aset	0.12:1	0.15:1	0.26:1
Pulangan Atas Ekuiti	0.23:1	0.22:1	0.36:1

Sumber: Penyata Kewangan PDC Consultancy Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Semakin tinggi nisbah ini, semakin tinggi tahap kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati kadar Nisbah Semasa PDCC adalah antara 3:1 dan 30.3:1. Nisbah semasa telah menurun dari 30.3:1 pada tahun 2010 kepada 21.9:1 pada tahun 2011 dan 3:1 pada tahun 2012 disebabkan jumlah tanggungan PDCC yang semakin meningkat iaitu pemiutang, perbelanjaan terakru dan peruntukan cukai. Walaupun Nisbah Semasa Syarikat semakin menurun, kadar nisbah berada pada tahap sangat baik dan PDCC masih berupaya untuk menjelaskan hutang jangka pendek. Analisis nisbah adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Nisbah Semasa Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012

Tahun	Aset Semasa (RM Juta) (a)	Tanggungan Semasa (RM Juta) (b)	Nisbah Semasa (a / b)
2010	8.19	0.27	30.3:1
2011	8.12	0.37	21.9:1
2012	12.46	4.19	3:1

Sumber: Penyata Kewangan PDC Consultancy Sdn. Bhd.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih digunakan bagi menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan bagi setiap ringgit hasil yang dikutip. Peningkatan Margin Untung Bersih menunjukkan peningkatan kecekapan syarikat di mana setiap kenaikan hasil memberi nilai tambah (*value added*) terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2010, Margin Untung Bersih PDCC adalah 23.7%, tetapi telah menurun kepada 21.1% pada tahun 2011 disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan yang tinggi berbanding

peningkatan pendapatan. Manakala pada tahun 2012, Margin Untung Bersih telah meningkat kepada 29.3%. Secara keseluruhannya, Margin Untung Bersih Syarikat adalah di tahap memuaskan iaitu antara 21.1% hingga 29.3% walaupun mengalami sedikit penurunan pada tahun 2011. Butiran lanjut seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4

Margin Untung Bersih Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012

Tahun	Untung Sebelum Cukai (RM Juta) (a)	Jumlah Pendapatan (RM Juta) (b)	Margin Untung Bersih (a / b) %
2010	1.38	5.83	23.7
2011	1.51	7.15	21.1
2012	4.07	13.88	29.3

Sumber: Penyata Kewangan PDC Consultancy Sdn. Bhd.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset digunakan untuk mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan sebelum cukai yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012, kadar Pulangan Atas Aset yang diperoleh adalah antara 0.12:1 hingga 0.26:1. Nisbah Pulangan Atas Aset meningkat dari 0.12:1 pada tahun 2010 kepada 0.15:1 pada tahun 2011. Pada tahun 2012, kadar tersebut terus meningkat kepada 0.26:1 disebabkan oleh peningkatan keuntungan sebelum cukai yang dibuat oleh PDCC. Analisis nisbah adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5

Nisbah Pulangan Atas Aset Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012

Tahun	Untung Sebelum Cukai (RM Juta) (a)	Jumlah Aset (RM Juta) (b)	Nisbah Pulangan Atas Aset (a / b)
2010	1.38	11.84	0.12:1
2011	1.51	9.90	0.15:1
2012	4.07	15.67	0.26:1

Sumber: Penyata Kewangan PDC Consultancy Sdn. Bhd.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan untuk mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan oleh pemegang saham, iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Ekuiti pada tahun 2012 telah meningkat kepada 0.36:1 berbanding 0.22:1 pada tahun 2011 dan 0.23:1 pada tahun 2010. Ini menunjukkan setiap modal yang dilaburkan mendapat pulangan disebabkan peningkatan keuntungan sebelum cukai yang diperoleh PDCC. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Tahun	Untung Sebelum Cukai (RM Juta) (a)	Jumlah Ekuiti (RM Juta) (b)	Nisbah Pulangan Atas Ekuiti (a/ b)
2010	1.38	6.02	0.23:1
2011	1.51	6.80	0.22:1
2012	4.07	11.46	0.36:1

Sumber: Penyata Kewangan PDC Consultancy Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan PDCC bagi tahun 2010 hingga 2012 berdasarkan trend pendapatan, perbelanjaan dan analisis nisbah adalah memuaskan.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti PDCC adalah menyediakan pelbagai perkhidmatan perunding merangkumi kerja seni bina, kejuruteraan, ukur bahan dan pengurusan projek. Bagi tahun 2011 hingga 2013, PDCC telah memperoleh 138 projek. Daripada jumlah tersebut, 115 projek dilaksanakan oleh PDCC, manakala 9 projek ditangguhkan dan 14 projek dibatalkan merangkumi 9 kategori seperti di **Jadual 4.7**. Daripada keseluruhan 115 kategori projek yang telah dilaksanakan bagi tahun 2011 hingga 2013, PDCC telah memperoleh yuran perunding berjumlah RM34.12 juta seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.7
Senarai Perkhidmatan Perunding Mengikut Kategori Projek

Bil.	Kategori Projek	Tahun									Jumlah
		2011			2012			2013			
		Laksana	Tangguh	Batal	Laksana	Tangguh	Batal	Laksana	Tangguh	Batal	
1.	Komersial	2	-	1	4	1	-	3	-	-	11
2.	Hiasan Dalaman Dan Menaik Taraf	5	-	1	7	-	-	9	-	3	25
3.	Industri	5	3	1	-	-	-	-	-	-	9
4.	Infrastruktur	12	2	3	19	-	-	5	-	-	41
5.	Lanskap	-	1	-	2	-	-	2	-	-	5
6.	Mekanikal Dan Elektrik (M&E)	9	-	1	12	1	-	3	-	-	26
7.	Kediaman	4	1	-	-	-	1	1	-	1	8
8.	Kerja Tanah	3	-	-	3	-	-	1	-	-	7
9.	Lain-lain	-	-	-	-	-	1	4	-	1	6
Jumlah		40	7	7	47	2	2	28	-	5	138

Sumber: Bahagian Pentadbiran, PDC Consultancy Sdn. Bhd.

Jadual 4.8
Yuran Perunding Yang Diperoleh

Tahun	Bilangan Projek Yang Dilaksanakan	Jumlah Yuran Perunding (RM Juta)
2011	40	6.57
2012	47	13.32
2013	28	14.23
Jumlah	115	34.12


Sumber: Bahagian Pentadbiran, PDC Consultancy Sdn. Bhd.

4.4.2.1. Pelaksanaan Pengurusan Projek

a. Memulakan Kerja Sebelum Kelulusan Pihak Berkuasa

- i. Mengikut Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974, kelulusan hendaklah diperoleh daripada Pihak Berkuasa Tempatan terlebih dahulu sebelum sesuatu kerja pembinaan dilaksanakan. Bagi kerja pembinaan jalan, kelulusan perlu diperoleh daripada Jabatan Kerja Raya. Ketiadaan kelulusan boleh menyebabkan kerja-kerja pembinaan diberhentikan. Semakan Audit mendapati projek Membina *Flyover* Merintang Jambatan Kedua Pulau Pinang Di Batu Kawan berjumlah RM35.96 juta telah dimulakan pada 29 Oktober 2012 sebelum mendapat kelulusan pihak berkuasa. Semakan lanjut mendapati permohonan mendapatkan kelulusan bagi projek tersebut hanya dikemukakan pada bulan Februari 2013. Lawatan Audit pada 24 September 2013 ke tapak projek mendapati kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan walaupun kelulusan belum diperoleh seperti di **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**.

Gambar 4.1
Kerja Pembinaan Sedang Dijalankan Di
Tapak Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Projek Membina *Flyover* Merintang
Jambatan Kedua Pulau Pinang Di
Batu Kawan
Tarikh: 24 September 2013

Gambar 4.2
Kerja Pembinaan Sedang Dijalankan Di
Tapak Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Projek Membina *Flyover* Merintang
Jambatan Kedua Pulau Pinang Di
Batu Kawan
Tarikh: 24 September 2013

- ii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 11 Mac 2014, Pelan Induk bagi kawasan Batu Kawan telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Namun kelulusan diperlukan bagi kerja-kerja struktur bangunan dari Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Kelulusan keseluruhan masih belum diterima dari JKR kerana *flyover* ini tidak akan diserahkan sehingga kerja-kerja penyambungan jalan dapat disiapkan sepenuhnya. Permohonan telah dikemukakan kepada MPSP dan ulasan penuh dari JKR telah diterima untuk dipatuhi. PDCC telah diberi tempoh waktu yang ditetapkan oleh Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) dan Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB) bagi menyiapkan bahagian *flyover* yang terletak dalam *Right-Of-Way* (ROW) Jambatan Kedua Pulau Pinang.**

Projek ini adalah di bawah kuasa mutlak JKR dan LLM yang sentiasa membuat pemantauan.

- iii. Selain itu, bagi projek Mendirikan Bangunan Komersial/Pejabat 3 & 5 Tingkat Di Jalan Mayang Pasir Daerah Barat Daya (Projek Quartermile) PDCC juga telah dikenakan kompaun berjumlah RM97,523 kerana memulakan kerja sebelum kebenaran mula kerja diperoleh.
- iv. **Berdasarkan maklum balas bertariikh 11 Mac 2014, kelulusan bangunan telah diperoleh pada 9 November 2010 dan sah untuk tempoh satu tahun iaitu sehingga 8 November 2011. Kontraktor pembinaan telah pun dilantik dan serahan tapak dibuat pada 6 Disember 2010. Permohonan Notis Mula Kerja telah dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada 7 Januari 2011 tetapi telah ditolak berikutan dokumen yang tidak lengkap dan Notis Mula Kerja hanya diperoleh pada 19 Julai 2011. Manakala Pelan Kebenaran Merancang pula luput pada 1 Februari 2011. Secara keseluruhannya, projek ini masih belum bersedia untuk dimulakan pada 6 Disember 2010 tetapi dimulakan secara mendadak untuk mengelakkan pembayaran yuran pelanjutan Pelan Kebenaran Merancang yang hampir luput pada ketika itu. Walau bagaimanapun, Pelan Kebenaran Merancang tetap perlu dilanjutkan dan permohonan Notis Mula Kerja pada kebiasaannya mengambil masa sekitar 4 hingga 5 bulan berikutan masalah dan isu dokumentasi dengan pihak MPPP. PDCC mengambil pengajaran daripada pelaksanaan projek ini dan memastikan bahawa ianya tidak akan berulang lagi pada masa hadapan. Keputusan dan kelulusan pihak berkuasa adalah di luar kawalan PDCC dan tindakan segera serta susulan sentiasa diambil oleh PDCC untuk mengelakkan kelewatan dan juga penalti dikenakan.**

b. Menjalankan Kerja Tanpa Kebenaran Pihak Berkuasa

- i. Berdasarkan Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974, apa-apa perubahan yang dibuat kepada mana-mana bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu dari Pihak Berkuasa Tempatan boleh didenda. Semakan Audit mendapati bagi projek Mendirikan Pangsapuri Kos Sederhana di Lengkok Nipah Daerah Timur Laut (Projek Ixora), PDCC telah dikenakan kompaun berjumlah RM72,793 kerana membina tempat letak kereta berbumbung sebelum pindaan pelan binaan diluluskan. Bayaran kompaun telah dijelaskan oleh PDC Properties Sdn. Bhd. sebagai pemaju projek namun sebahagian kompaun berjumlah RM28,062 dipersetujui ditanggung oleh PDCC sebagai perunding yang memantau projek tersebut. Sebagai perunding PDCC sedia maklum mengenai peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan namun kelemahan dari segi pemantauan menyebabkan PDCC terpaksa menanggung kompaun yang dikenakan.

- ii. Berdasarkan maklum balas bertarikh 11 Mac 2014, pelan kelulusan merancang hanya menyatakan 'tempat letak kereta' sahaja dan tidak dinyatakan sebagai berbumbung dan struktur bumbung 'pergola' tingkat 1 tidak ditunjukkan pada lukisan pandangan bangunan. Bagi memenuhi keperluan kontrak yang menyatakan tempat letak kereta berbumbung dan struktur bumbung 'pergola' perlu disediakan dan dibina, kontraktor utama telah membina tempat letak kereta berbumbung dan struktur bumbung 'pergola' mengikut spesifikasi kontrak. Perkara ini dikomen oleh Pihak Berkuasa Tempatan sewaktu melakukan lawatan tapak untuk permohonan Sijil Layak Menduduki (OC). Pindaan pelan dibuat oleh pihak PDCC bagi menyelaraskan pembinaan tempat letak kereta dan struktur bumbung 'pergola' seperti di tapak. Oleh kerana pembinaan di tapak telah disiapkan sebelum pindaan pelan diluluskan, Pihak Berkuasa Tempatan telah mengklasifikasikan perkara ini sebagai 'pembinaan dimulakan tanpa kebenaran' dan kompaun telah dikenakan.

c. Kelewatan Menyiapkan Projek

- i. Berdasarkan kontrak yang ditandatangani, PDCC bertanggungjawab memastikan projek yang dilaksanakan dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan. Di samping itu, lanjutan masa diberi kepada kontraktor jika mempunyai sebab-sebab munasabah projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, kontraktor perlu memohon tempoh lanjutan masa dan diluluskan oleh PDC setelah disyorkan oleh Pegawai Penguasa. Semakan Audit terhadap 7 projek PDCC mendapati 2 projek lewat disiapkan antara 96 dan 234 hari walaupun lanjutan masa telah diberi kepada kontraktor. PDCC juga telah mengeluarkan 3 surat peringatan kepada kontraktor dan 1 surat sokongan penamatan kontrak kepada PDC bagi kedua-dua projek tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.9**. Namun kedua-dua projek tersebut masih belum disiapkan dan tindakan penamatan kontrak belum diambil. Kelewatan ini menyebabkan kemudahan infrastruktur yang dirancang oleh PDC tidak dapat digunakan.

Jadual 4.9
Senarai Projek Lewat Siap

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)	Tarikh Mula Kerja	Tarikh Akhir Siap Kerja	Lanjutan Masa	Tempoh Kelewatan (Sehingga Oktober 2013)	Tarikh Surat Peringatan/ Sokongan Penamatan
1.	Membina Jalan Dan Parit Untuk Lingkaran Cassia Selatan, (Phase 2A-South) Batu Kawan	18.88	27.02.2012	26.02.2013	29.04.2013 27.07.2013	96 Hari	Peringatan 1 09.05.2012
							Peringatan 2 31.05.2012
							Peringatan 3 18.09.2012
							Sokongan Penamatan 19.09.2012
2.	Membina Jalan Dan Parit Untuk Lingkaran Cassia Selatan, (Phase 2B-South) Batu Kawan	11.10	27.02.2012	26.12.2012	15.02.2013 11.03.2013	234 Hari	Peringatan 1 09.05.2012
							Peringatan 2 31.05.2012
							Peringatan 3 27.09.2012
							Sokongan Penamatan 27.09.2012

Sumber: Fail Projek PDC Consultancy Sdn. Bhd.


- ii. Lawatan Audit ke 2 tapak projek tersebut pada 24 Oktober 2013 mendapati kerja-kerja masih belum disiapkan seperti di **Gambar 4.3** dan **Gambar 4.4**.

Gambar 4.3
Kerja Pembinaan Jalan Masih Belum Disiapkan di Lingkaran Cassia Selatan (Phase 2A-South)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Projek *Phase 2A-South*
Batu Kawan
Tarikh: 24 Oktober 2013

Gambar 4.4
Kerja Pembinaan Jalan Masih Belum Disiapkan di Lingkaran Cassia Selatan (Phase 2B-South)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Projek *Phase 2B-South*
Batu Kawan
Tarikh: 24 Oktober 2013

- iii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 11 Mac 2014 dan 19 Mac 2014:**

- **Kelewatan kerja bagi Projek Lingkaran Cassia Selatan 2A adalah disebabkan oleh kerja-kerja penanaman paip dan lurang pembetung yang telah dijalankan berulang kali bagi mendapatkan kedalaman yang**

ditetapkan dalam pelan reka bentuk tetapi sentiasa berubah disebabkan oleh tekanan tanah yang tidak stabil serta struktur tanah yang lembik. Perakuan Lanjutan Masa (EOT) telah diberi kepada kontraktor. Penamatan kontrak tidak memberi kebaikan sama ada kepada PDC atau kontraktor.

- Bagi Projek Lingkaran Cassia Selatan 2B pula, kerja-kerja pembinaan di tapak tidak dijalankan mengikut jadual yang dirancang oleh kontraktor. Berikutan daripada prestasi yang kurang memuaskan, Mesyuarat Lembaga Tawaran PDC yang ke 1/2014 pada 22 Januari 2014 telah memutuskan untuk menamatkan perkhidmatan kontrak ini.

d. Kerja Lewat Disiapkan Berbanding Jadual Perancangan

- PDCC telah melaksanakan projek Tempat Letak Kereta Di Jalan Bukit Bendera yang melibatkan pembinaan Satu Blok Bangunan 8 Tingkat yang terdiri daripada ruang komersial, tempat letak kereta dan ruang pejabat. Tempoh pembinaan yang ditetapkan dalam kontrak adalah 12 bulan. Kerja-kerja telah dimulakan pada 26 November 2012 dan dijangka siap pada 25 November 2013. Kontraktor perlu menyediakan *Critical Path Method* (CPM) sebagai satu perancangan kemajuan kerja pembinaan. PDCC pula akan memantau kemajuan projek berdasarkan CPM yang disediakan. Semakan Audit mendapati kerja-kerja pembinaan di tapak lewat disiapkan berbanding CPM seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Kemajuan Kerja Berbanding CPM

Mesyuarat Tapak		Kemajuan Kerja Di Tapak		Kelewatan	
Bilangan	Tarikh	CPM (%)	Sebenar (%)	Hari	Peratus (%)
1	23.11.2012	0	0	-	0
2	09.01.2013	6.4	6.3	TM	0.1
3	07.02.2013	10.8	6.7	15	4.1
4	31.03.2013	23.9	7.3	16	16.6
5	25.04.2013	18.2	1.3	62	16.9
6	30.05.2013	37.8	9.2	TM	25.6
7	04.07.2013	54.2	12.3	153	41.9
8	05.09.2013	13	11.2	TM	1.9

Sumber: Fail Projek PDC Consultancy Sdn. Bhd.
TM - Tiada Maklumat

- Semakan lanjut terhadap Minit Mesyuarat Tapak Bil. 7 mendapati kemajuan kerja sebenar adalah 12.3% berbanding 54.2% dalam CPM iaitu lewat 41.9% atau 153 hari. Menurut PDCC kelewatan berlaku disebabkan pertukaran sistem cerucuk daripada *Micropile* kepada *RC Spun Pile* dan halangan lapisan batu di tapak pembinaan. PDCC telah meluluskan lanjutan masa kepada kontraktor sehingga 31 Mei 2014. Sebelum kelulusan lanjutan masa diberi, kontraktor telah menyediakan CPM baru bagi membandingkan kemajuan kerja sebenar dengan

perancangan. Akibatnya dalam Mesyuarat Tapak Bil. 8, kelewatan yang dilaporkan adalah 1.9%. Lawatan Audit ke tapak pembinaan pada 23 September 2013 mendapati kerja-kerja peringkat awal iaitu pembinaan tetopi cerucuk (*pile cap*) sedang dijalankan seperti di **Gambar 4.5** dan **Gambar 4.6**.

Gambar 4.5
Kerja-Kerja Pembinaan Tetopi Cerucuk
(*Pile Cap*) Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pembinaan Projek Tempat Letak
Kereta Di Jalan Bukit Bendera
Tarikh: 23 September 2013

Gambar 4.6
Kerja-Kerja Pembinaan Tetopi Cerucuk
(*Pile Cap*) Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pembinaan Projek Tempat Letak
Kereta Di Jalan Bukit Bendera
Tarikh: 23 September 2013

- iii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 Mac 2014, semasa kerja menanam dilakukan, cerucuk jenis *Micropile* didapati tidak mencapai reka bentuk yang dikehendaki. Oleh itu, *Soil Investigation (SI)* tambahan telah dibuat dan reka bentuk cerucuk telah ditukar kepada *RC Spun Pile* disebabkan ketebalan bongkah batu yang tidak memenuhi kriteria reka bentuk *Micropile* dan kedudukan bongkah yang terlalu dalam iaitu melebihi 20 meter. Bagi kerja cerucuk *RC Spun Pile*, kelewatan berlaku kerana kedudukan batu yang berselerak dan terdapat lapisan bongkah batu pada permukaan tanah serta pada lapisan pertengahan. Berikutan itu, sesetengah reka bentuk tetopi cerucuk (*pile cap*) perlu diubah untuk disesuaikan dengan keadaan di tapak projek. Penentuan kesesuaian reka bentuk *pile cap* bagi setiap cerucuk memerlukan masa yang lebih panjang supaya tidak berlaku sebarang kesilapan teknikal. Mesyuarat tapak yang diadakan sebulan sekali sentiasa memantau dan membincangkan isu kelewatan untuk tindakan kontraktor. Lanjutan dari kelewatan perjalanan projek dan kelulusan lanjutan masa (EOT) sehingga 31 Mei 2014, *Critical Path Method (CPM)* baru telah dibuat berdasarkan keadaan di tapak pada ketika itu bagi menunjukkan kemajuan kerja sebenar berbanding dengan perancangan. Pada masa sekarang projek ini dipantau dengan teliti setiap hari oleh PDCC.**

e. Arahan Perubahan Kerja Tidak Mematuhi Skop Kontrak

- i. Berdasarkan Perkara 184 Prosedur Kewangan PDC, Arahan Perubahan Kerja (VO) hendaklah memenuhi beberapa kriteria seperti tempoh kontrak masih berjalan, perubahan tidak menukar sebahagian skop kerja asal dan perubahan adalah di dalam skop kontrak asal. Di samping itu, Prosedur Kewangan PDC juga menetapkan perolehan melebihi RM200,000 hendaklah dibuat melalui tender terbuka. Semakan Audit mendapati Pegawai Penguasa (SO) telah mengeluarkan 2 arahan kepada kontraktor bagi melaksanakan VO berjumlah RM8.52 juta seperti di **Jadual 4.11**.

Jadual 4.11
Kerja Tambahan Yang Dijadikan Arahan Perubahan Kerja

Bil.	No. Kontrak	Butiran Kerja Asal Kontrak	Kos Projek (RM Juta)	Butiran Kerja Melalui VO	Tapak Bina Kontrak Asal	Tapak Bina Kerja Tambahan	Jumlah (RM Juta)
1.	PPPP TE 3/2011	Kerja Tanah Di East BKIP Fasa 2A Batu Kawan	29.81	Membekal Dan Membina Kotak Pembentuk Konkrit Di East BKIP Fasa 2A Batu Kawan	East BKIP Fasa 2A Batu Kawan	East BKIP Fasa 2A Batu Kawan	1.88
2.	PPPP TE 30/2011	Kerja Tanah Di Tapak SME Dan Hub Logistik Fasa 4 Batu Kawan	36.57	Menambun Tanah (<i>Topping Up</i>) Atas Plot E (Lot 723-726) Mukim 13, Bukit Minyak Utara Science Park Seberang Perai Tengah	Tapak SME Dan Hub Logistik Fasa 4 Batu Kawan	Bukit Minyak Utara Science Park Seberang Perai Tengah	6.64
Jumlah			66.38				8.52

Sumber: Fail Projek PDC Consultancy Sdn. Bhd.

- ii. Semakan lanjut mendapati VO tersebut telah dikeluarkan dengan persetujuan Lembaga Tawaran PDC. Namun kerja yang dinyatakan dalam VO tersebut adalah di luar skop kontrak yang dipersetujui antara kontraktor dan PDC. Bagi projek Kerja Tanah Di East BKIP Fasa 2A Batu Kawan, VO berjumlah RM1.88 juta yang dikeluarkan adalah di luar skop kontrak. Manakala VO berjumlah RM6.64 juta bagi projek Kerja Tanah Di Tapak SME Dan Hub Logistik Fasa 4 Batu Kawan dibuat di lokasi yang berlainan. Perubahan kerja yang dilaksanakan tidak mematuhi Perkara 184 Prosedur Kewangan PDC di mana perubahan kerja tiada di dalam skop kontrak asal. Kesannya, kerja-kerja tambahan ini tidak dibuat melalui pelawaan tender baru walaupun ianya melibatkan amaun yang besar.
- iii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 11 Mac 2014 dan 19 Mac 2014:**
- **Bagi Projek Kerja Tanah di East BKIP Fasa 2A Batu Kawan, VO dikeluarkan kerana terdapat satu laluan *trenches* yang perlu disediakan di Lebuhraya Lingkar Cassia atas arahan Tenaga Nasional Berhad**


(TNB) bagi membekalkan bekalan elektrik utama kepada kilang Honda, VAT dan BOSE pada ketika itu. Kerja ini perlu disiapkan dalam masa 3 bulan iaitu tempoh masa yang amat singkat bagi skop kerja sedemikian selaras komitmen PDC dengan pihak pelabur. PDC telah memanggil sebut harga dari 3 syarikat yang sedang menjalankan pembinaan berdekatan untuk mendapatkan anggaran kos bagi kerja tersebut dan kontraktor bagi projek ini telah menawarkan harga terendah iaitu sejumlah RM1.88 juta. Pembinaan konkrit utiliti ini adalah untuk melengkapkan skop kerja penyediaan *platform* bangunan kilang Honda, VAT dan BOSE bagi tujuan bekalan elektrik. *Platform* bangunan kilang Honda adalah dalam kawasan had kontrak projek ini dan harga yang ditawarkan adalah yang paling menguntungkan PDC.

- Projek menambun tanah di atas Plot E (Lot 723 – 726) Mukim 13, Utara Penang Science Park tidak dapat mencapai ketinggian *platform* setinggi 2.3 meter yang ditetapkan walaupun kuantiti dalam *Bill Of Quantities* (BQ) telah digunakan sepenuhnya. Melalui rundingan yang dijalankan oleh semua pihak yang terlibat, kontraktor berkenaan enggan meneruskan kerja menambun tanah di tapak tersebut kerana faktor kos yang tinggi. Bagi memenuhi keperluan yang terdesak dari pelabur luar negara pada masa itu untuk tapak ini, beberapa kontraktor yang sedang menjalankan kerja di kawasan berhampiran telah dikenal pasti untuk menyiapkan kerja menambun tanah. Mesyuarat Lembaga Tawaran pada 19 Jun 2013 telah memutuskan supaya kontraktor yang mempunyai prestasi yang baik meneruskan kerja menambun tanah di tapak Utara Penang Science Park sebagai kuantiti tambahan dengan mengikut kadar harga kontrak asal mereka iaitu Projek Kerja Tanah Di Tapak SME dan Hub Logistik Fasa 4, Batu Kawan.
- Bagi kedua-dua VO tersebut, rekod perakaunan PDC diselaraskan sewajarnya untuk pengkosan yang lebih tepat.

4.4.2.2. Kolam Perangkap Mendap (*Sedimentation Pond*) Di Tapak Projek Tempat Letak Kereta Di Jalan Bukit Bendera Tidak Mengikut Lukisan Pelan

- a. Kolam perangkap mendap perlu dibina di tapak projek agar pelepasan air dari kolam tersebut yang mengalir ke longkang berdekatan tidak mengandungi pepejal terampai yang melebihi had yang ditetapkan. Ini adalah sejajar dengan kehendak Pihak Berkuasa Tempatan agar projek yang dilaksanakan dapat memelihara kualiti alam sekitar supaya pembangunan mampan boleh dicapai. Bagi projek Tempat Letak Kereta Di Jalan Bukit Bendera, kontraktor perlu menyediakan kolam perangkap mendap bersaiz 377 meter persegi (29000 mm x 13000 mm) berdasarkan lukisan pembinaan yang telah diluluskan. Lawatan Audit pada 31 Oktober 2013 mendapati saiz kolam yang dibina adalah lebih kecil berbanding saiz yang dinyatakan di lukisan


pembinaan iaitu 6.18 meter persegi (3200 mm x 1930 mm) seperti di **Gambar 4.7** hingga **Gambar 4.9**. Menurut PDCC perkara ini disebabkan oleh kekangan keluasan tapak projek iaitu seluas 2590 meter persegi.



Gambar 4.7
Saiz Kolam Perangkap Mendap
Mengikut Lukisan Pembinaan

Sumber: Fail Kontrak PDC Consultancy Sdn. Bhd.

Gambar 4.8
Saiz Kolam Perangkap Mendap Yang Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Tapak Pembinaan Tempat Letak Kereta Di Jalan Bukit Bendera
 Tarikh: 31 Oktober 2013

Gambar 4.9
Saiz Kolam Perangkap Mendap Yang Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Tapak Pembinaan Tempat Letak Kereta Di Jalan Bukit Bendera
 Tarikh: 31 Oktober 2013

- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 11 Mac 2014, pihak pengurusan mengakui kolam perangkap mendap dibina tidak mengikut lukisan pelan yang telah diluluskan disebabkan kekangan keluasan tapak projek. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak menjejaskan operasi kolam perangkap mendap tersebut.**

Pada pendapat Audit, PDCC sebagai perunding projek perlu memastikan semua peraturan dan spesifikasi berkaitan pengurusan projek dipatuhi supaya pelaksanaan projek dapat dijalankan dengan sempurna.

4.4.2.3. Bayaran Yang Belum Dijelaskan Kepada Juru Perunding

- a. PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. (PDCPH) bagi pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, telah menandatangani *Memorandum Of Agreement* (MOA) dengan juru perunding bagi menguruskan projek Pembinaan 16 Tingkat Bangunan Pejabat LHDN Di Persisiran Sungai Nibong, Daerah Timur Laut. Cadangan yang dikemukakan oleh juru perunding bagi pembinaan projek tersebut telah diluluskan dalam MOA tersebut. Bagaimanapun, projek berkenaan telah dibatalkan oleh pihak LHDN atas sebab-sebab tertentu melalui surat bertarikh 14 Oktober 2008. Semakan Audit mendapati tuntutan berjumlah RM2.37 juta bagi perkhidmatan juru perunding yang sepatutnya dikemukakan kepada PDCPH telah dikemukakan kepada PDCC. Tuntutan berkenaan telah diakaunkan sebagai perbelanjaan PDCC pada tahun 2012 walaupun perkhidmatan telah dilaksanakan pada tahun 2007 hingga 2008. Sehingga bulan Oktober 2013, PDCC masih belum membuat bayaran kepada juru perunding bagi tempoh antara 1,582 dan 2,163 hari seperti di **Jadual 4.12**.

Jadual 4.12

Bayaran Yang Belum Dijelaskan Kepada Juru Perunding

Bil.	Perkara	Tarikh Tuntutan	Tarikh Akhir Bayaran	Jumlah (RM)	Tuntutan	Kelewatan Sehingga 31 Oktober 2013 (Hari)
1.	Struktur Dan Sivil	18.10.2007	29.11.2007	7,928	Tuntutan 1	2,163
		16.04.2008	28.05.2008	186	Tuntutan 2	1,982
		30.07.2008	10.09.2008	12,000	Tuntutan 3	1,877
		30.07.2008	10.09.2008	6,565	Tuntutan 4	1,877
		30.07.2008	10.09.2008	944	Tuntutan 5	1,877
		21.05.2009	02.07.2009	369	Tuntutan 6	1,582
		31.07.2008	11.09.2008	1,483,231	Tuntutan (80%)	1,876
2.	Kejuruteraan	18.10.2007	29.11.2007	5,735	Tuntutan 1	2,163
		18.10.2007	29.11.2007	3,492	Tuntutan 2	2,163
		24.12.2007	04.02.2008	679	Tuntutan 3	2,096
		05.02.2008	18.03.2008	1,500	Tuntutan 4	2,053
		30.07.2008	10.09.2008	6,000	Tuntutan 5	1,877
		30.07.2008	10.09.2008	3,042	Tuntutan 6	1,877
		30.07.2008	10.09.2008	918	Tuntutan 7	1,877
		31.07.2008	11.09.2008	385,620	Tuntutan (80%)	1,876
3.	Elektrik	18.10.2007	29.11.2007	7,861	Tuntutan 1	2,163
		18.10.2007	29.11.2007	1,947	Tuntutan 2	2,163
		05.02.2008	18.03.2008	1,500	Tuntutan 3	2,053
		16.04.2008	28.05.2008	818	Tuntutan 4	1,982
		30.07.2008	10.09.2008	6,000	Tuntutan 5	1,877
		30.07.2008	10.09.2008	3,042	Tuntutan 6	1,877
		31.07.2008	11.09.2008	356,427	Tuntutan (80%)	1,876
4.	Jurutera Tapak	22.04.2008	03.06.2008	30,924		1,976
		02.06.2008	14.07.2008	23,100		1,935
		01.07.2008	12.08.2008	11,550		1,906
		01.08.2008	12.09.2008	11,550		1,875
Jumlah				2,372,928		

Sumber: Bahagian Kewangan PDC Consultancy Sdn. Bhd.

- b. Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 April 2014, projek ini dikategorikan di bawah projek Rundingan Terus dan Reka & Bina atas dasar berjaya (*success basis*). Walau bagaimanapun, projek ini telah dibatalkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Bagi tujuan pembayaran yuran perunding, PDC sedang dalam proses rundingan untuk membincangkan semula tuntutan bayaran yang berpatutan untuk kerja yang telah disiapkan oleh juru perunding. Antara lain termasuk menawarkan projek kepada juru perunding bagi menggantikan projek yang telah dibatalkan.

Pada pendapat Audit, PDCC perlu memastikan bayaran dibuat kepada juru perunding dengan segera bagi perkhidmatan yang telah dilaksanakan.

4.4.3 Tadbir Urus Korporat

4.4.3.1. Perancangan Strategik/Indeks Petunjuk Prestasi (KPI)

- a. Menurut amalan terbaik yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, menetapkan syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan merangka strategi pelaksanaan bagi mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang syarikat. Rancangan tersebut perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat. Semakan Audit mendapati sungguhpun PDCC tidak menyediakan perancangan strategik tetapi Syarikat mengguna pakai Perancangan Strategik Kumpulan PDC yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bagaimanapun KPI ada disediakan pada setiap tahun dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah semasa pembentangan bajet dibuat. Namun pencapaian sebenar KPI tidak dapat ditentukan kerana laporan tidak dikemukakan semasa pengauditan.
- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 11 Mac 2014, prestasi KPI dibentangkan dalam setiap mesyuarat Lembaga Pengarah.**

4.4.3.2. *Standard Operating Procedure (SOP)*

- a. SOP merupakan dokumen utama yang menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh syarikat. SOP perlu disediakan dan dipatuhi bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman terhadap pengurusan pentadbiran dan operasi syarikat. Menurut amalan terbaik yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, syarikat perlu mempunyai SOP untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur. PDCC mempunyai SOP berkaitan pengurusan kewangan seperti pembayaran gaji, panjar wang runcit, pembayaran, kutipan, pengurusan aset dan lain-lain. Semakan Audit mendapati, SOP berkaitan pengurusan aset tidak dipatuhi sepenuhnya iaitu setiap pembelian aset tidak didaftarkan seperti yang dinyatakan dalam SOP. Di samping itu, berdasarkan SOP pengurusan kewangan, tiada prosedur yang ditetapkan bagi membuat pelaburan jangka masa pendek seperti simpanan tetap. PDCC juga tidak menyediakan SOP berkaitan pelaburan yang akan dibuat oleh Syarikat.
- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 11 Mac 2014, pihak Pengurusan PDCC sedang mengemas kini dan menambah baik Daftar Aset. Pihak PDCC telah menambah baik SOP pengurusan kewangan sedia ada dengan penyediaan SOP baru bagi pengurusan kewangan Syarikat yang lebih cekap.**

4.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan/Unit Audit Dalam

Mengikut Amalan Terbaik seperti yang terdapat dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas

pengurusan syarikat. Menurut PDCC, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan/Unit Audit Dalam telah ditubuhkan di peringkat Syarikat Induk bertujuan memantau operasi semua anak syarikat. Semakan Audit mendapati Unit Audit Dalam telah menjalankan pengauditan di PDCC pada tahun 2011.

4.4.3.4. *Corporate Integrity Pact Dan Integrity Pledge*

- a. Mengikut Amalan Terbaik dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2010, *Corporate Integrity Pact* perlu dilaksanakan oleh syarikat sebagai langkah pencegahan rasuah dalam urusan perolehan. Manakala Institut Integriti Malaysia menggalakkan *Corporate Integrity Pledge* yang merupakan satu ikrar anti rasuah diadakan. Di samping itu, PDC sebagai Syarikat Induk juga menyarankan supaya PDCC melaksanakan *Integrity Pact* dalam urusan perolehan Syarikat. Semakan Audit mendapati PDCC masih belum melaksanakan *Integrity Pact* dalam urusan perolehannya.
- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 11 Mac 2014, PDCC mengambil maklum mengenai saranan pihak Jabatan Audit. *Corporate Integrity Pact* dan *Integrity Pledge* akan dilaksanakan bersama-sama pihak PDC.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Tadbir Urus Korporat PDCC adalah di tahap memuaskan. Namun PDCC perlu mewujudkan perancangan strategik dan membuat penambahbaikan kepada SOP sedia ada.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan PDC Consultancy Sdn. Bhd. (PDCC) dapat dipertingkatkan adalah disyorkan tindakan seperti berikut diambil:

- 4.5.1.** Memastikan kelulusan Pihak Berkuasa diperoleh terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan bagi semua projek yang dilaksanakan.
- 4.5.2.** Meningkatkan pemantauan terhadap projek yang dilaksanakan oleh PDCC supaya pematuhan terhadap perkara yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak dipatuhi.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di aktiviti/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

6 Mei 2014



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5

Persiaran Perdana, Presint 2

62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

www.audit.gov.my